



e-Dapur 'selamatkan' usahawan ketika PKP

MUKA 5

Peniaga syukur dapat lesen, MBSA jawab tohmahan

MUKA 6&7

PKNS berjaya buka 11 bandar baharu

MUKA 10

Dahulu kaki botol kini pendakwah

MUKA 17

Inisiatif MBSA dapat sambutan menggalakkan

Susun semula peniaga seluruh PBT

SHAH ALAM - Program Penyusunan Semula Peniaga Kecil dan Penjaja akan diperluas ke seluruh pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memudahkan golongan itu memperoleh lesen perniagaan.

Dato' Menteri Besar menggesa perkara itu susulan sambutan hangat program dua hari anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mulai 15 Ogos di Bandar Baru Sungai Buloh dekat sini.

"Program seumpama ini akan diteruskan lagi di seluruh negeri Selangor bagi memudahkan para peniaga dan penjaja mendapatkan lesen serta permit perniagaan," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 17 Ogos lalu.

Lebih 500 peniaga di sekitar kawasan Bandar Baru Sungai Buloh hadir taklimat di Dewan Meranti di situ. MBSA turut meluluskan pemberian lesen perniagaan sementara kepada 180 orang.

Mengucap tahniah kepada PBT berkenaan atas inisiatif itu, Amirudin berharap pemberian lesen tersebut menjadi pemangkin kepada peniaga untuk meluaskan lagi perniagaan.

Majlis Perbandaran Klang pada 19 Ogos pula menyerahkan permit sementara kepada 35 peniaga kecil membabitkan 25 lokasi perniagaan.

Mereka adalah sebahagian daripada 500 peniaga yang bakal menerima lesen tahun ini. Lesen itu sah digunakan sehingga 31 Disember.

Bagaimanapun, permit berkenaan dibatalkan serta-merta jika mereka melanggar peraturan.

Sebelum ini, penjaja dan peniaga kecil berlesen yang terjejas berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan menerima bantuan sekali bayar RM500 melalui pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin.



Sebahagian penjaja berurusan bagi mendapatkan permit perniagaan sementara dalam program Penyusunan Semula Peniaga dan Penjaja anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam di Bandar Baru Sungai Buloh pada 16 Ogos 2020. Foto ihsan MBSA **BERITA DI MUKA 3, 6 dan 7**

Perancangan rapi Nabi teladan buat negeri

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar meminta umat Islam di negeri ini mengambil iktibar perancangan rapi Nabi Muhammad SAW dalam peristiwa Maal Hijrah untuk mengembangkan syiar Islam.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata Rasulullah selamanya akan dikenang kerana berjaya mengubah iktikad dan iman golongan musyrikin, malah sistem sosial dan politik dunia.

Berikut perutusan penuh sempena sambutan Maal Hijrah:

Nabi Muhammad SAW selamanya dikenang dalam sejarah bukan semata-

mata kerana berjaya mengubah iktikad dan keimanan golongan musyrikin Mekah, malahan berjaya mengubah tatanan sosial serta politik dunia.

Salah satu momen terpenting dalam sejarah Islam adalah peristiwa Maal Hijrah. Kesusahan hidup, himpitan boikot ekonomi dan tekanan politik melatari gerak kerja dakwah junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW yang akhirnya mencetuskan penghijrahan ke Kota Madinah.

Terdapat susunan perancangan strategi dan taktikal yang sangat rapi bagi mencapai objektif yang lebih besar: kelangsungan agama Islam.

Delegasi lebih awal para muslimin telah dihantar untuk menyediakan persiapan, serta mengumpul maklumat atau reconnaissance diketuai Abdullah bin Abu Bakar, putera kepada sahabat utama baginda yang setia. Pengorbanan Saidina Ali menjadi petanda simbolik peranan yang boleh dimainkan oleh anak muda dalam mana-mana pergerakan. Begitu juga kerjasama pintar bersama pihak ketiga yang neutral seperti Abdullah bin Uraiqit bagi menjamin kerahsiaan rencana yang sebegitu mustahak ini.



Hanya 238 mohon bantuan RM1,000

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menyeru lebih ramai bekas pesakit dan ahli keluarga mangsa Covid-19 di negeri ini memohon bantuan khas RM1,000.

EXCO Kesihatan Dr Siti Mariah Mahmud berkata hanya 238 individu mendapat manfaat insentif pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin fasa kedua, yang disifatkan masih rendah.

"Jumlah permohonan agak sedikit kerana Kerajaan Negeri menghadapi kekangan untuk mendapat data pesakit, justeru kita berharap doktor atau petugas Kementerian Kesihatan maklumkan kepada mereka," katanya pada 16 Ogos.

Bantuan khusus itu boleh didaftarkan melalui pautan www.selangorprihatin.com

Sejumlah RM1.8 juta diperuntukkan kepada mangsa Covid-19 melalui pakej yang diumumkan pada 1 April lalu berdasarkan beberapa syarat.

Prasarana, tenaga mahir pikat pelabur

SHAH ALAM - Kemudahan infrastruktur serta tenaga mahir yang mencukupi bagi sektor elektrik dan elektronik (E&E) berpotensi menarik lebih ramai pelabur asing ke Selangor, kata EXCO pelaburan.

"Kita dapati ramai pelabur dari sektor E&E mula angkat kaki serta menutup operasi mereka di China susulan perang dagang yang berlaku dengan Amerika Syarikat.

"Pelabur mula beralih arah dan memilih negara Asia yang lain termasuk Malaysia. Selangor yakin infrastruktur yang mencukupi termasuk persediaan tapak industri serta tenaga mahir dapat melonjakkan industri E&E di negeri ini," kata Dato' Teng Chang Khim pada 17 Ogos.

Lima kes tumpahan minyak ditangani

SHAH ALAM - Lima insiden tumpahan minyak berjaya ditangani segera menerusi Op Sumber Air bermula 1 Jun sehingga 1 Ogos lalu, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata tindakan pantas itu mengelakkan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) utama di Sungai Selangor, Labohan Dagang dan Bukit Tampoi di Sungai Langat serta Sungai Labu dan Salak Tinggi.

Menurut Amirudin, tempoh masa henti tugas loji terlibat dengan insiden pencemaran kod merah juga dapat dikurangkan menerusi operasi bersepadu Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dan beberapa agensi berkaitan.

"Pemantauan ini meliputi 20 lokaliti yang dikenal pasti sebagai kawasan sensitif sumber air termasuk kawasan tadahan air empangan, rizab sungai, premis dilesenkan, loji IWK dan sekitar kawasan perindustrian berisiko berdasarkan rekod pencemaran sebelum ini," katanya pada 18 Ogos.

Kuala Langat paling strategik

Hab barangan elektrik, elektronik terbesar



Chang Khim (tiga, kiri) selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara NCT Group dengan Future Inno Park Sdn Bhd di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 17 Ogos

OLEH **NADIAH ZAMLUS**

SHAH ALAM - Pembinaan Taman Industri Kuala Langat seluas 199.51 hektar bakal menjadi lokasi sektor barang pembuatan elektrik dan elektronik terbesar dalam negara, kata EXCO pelaburan.

Dato' Teng Chang Khim berkata projek usahasama NCT Group dan Future

Inno Park dijangka siap dalam tempoh empat tahun.

"Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan pembangunan perindustrian sebegini kerana ia memberi dampak positif kepada ekonomi negeri.

"Sebagai negeri yang menjadi tarikan utama pelabur, Selangor bersedia membekalkan keperluan elektrik dan elektronik yang kukuh dan mencuku-

pi," katanya.

Chang Khim berkata Kuala Langat dipilih kerana lokasinya yang berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Sekiranya produk ini siap, penghantarannya akan menggunakan kapal terbang sekali gus menjadikan Kuala Langat sebagai lokasi paling strategik bagi pembinaan taman industri," katanya.

Tumpu lima sektor pembuatan

SHAH ALAM - Lima sektor pembuatan diberi tumpuan dalam memacu pertumbuhan ekonomi (KDNK) negeri dan negara, kata EXCO pelaburan.

Sektor tersebut ialah elektrik dan elektronik, mesin, aeroangkasa, makanan dan minuman serta sains hayat merangkumi farmaseutikal juga perubatan.

"Kita mahu memperkukuhkan sektor pembuatan untuk menyokong sektor perkhidmatan yang menjadi peneraju

utama ekonomi negara," kata Dato' Teng Chang Khim mengulas prestasi KDNK negeri pada 2019.

"Matlamat ini selari hasrat Selangor yang tidak lagi melihat negeri lain sebagai pesaing, sebaliknya menjadikan negara dalam rantau Asia sebagai pesaing utama memajukan ekonomi."

Sektor pembuatan menyumbang 27.8 peratus kepada KDNK di peringkat negeri berbanding 62.2 peratus daripada per-

khidmatan.

Sektor pembinaan, perlombongan dan pertanian menyumbang 7.6 peratus.

Pada 6 Ogos lalu, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan Selangor menyumbang 24.2 peratus KDNK pada 2019, kekal tertinggi dalam tempoh beberapa tahun.

Angka tersebut meningkat 0.5 peratus berbanding 23.7 peratus yang dicatatkan dalam tempoh sama pada dua tahun lalu.

Hasil negeri kukuh seiring penduduk

SHAH ALAM - Selangor mencatat nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita tinggi berjumlah RM54,807 tahun lalu, melebihi paras nasional.

Dato' Menteri Besar berkata peningkatan membanggakan itu menunjukkan pengeluaran hasil negeri kukuh dan seimbang seiring pertumbuhan penduduk negeri ini.

"Ini petunjuk bahawa produktiviti warga Selangor sangat kritikal dan penting dalam melestarikan ekonomi.

"Berita ini menjadi kebanggaan kita, jangan lupa juga untuk sentiasa berusaha keras memajukan diri kita semua," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 12 Ogos.

KDNK per kapita nasional tahun lalu ditetapkan pada kadar RM46,367.

Faktor pertumbuhan ekonomi pesat menjadikan negeri ini penyumbang tertinggi KDNK negara tahun lalu dengan pencapaian 24.2 peratus.

180 individu dapat permit niaga

SHAH ALAM - Seramai 180 peniaga dan penaja kecil di Bandar Baru Sungai Buloh di sini memperoleh permit perniagaan sementara daripada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Timbalan ketua Unit Aduannya berkata permohonan diluluskan dalam program Penyusunan Semula Peniaga dan Penaja Bandar Baru Sungai Buloh yang berlangsung dua hari bermula pada 15 Ogos.

"Kejayaan program ini menunjukkan sebarang isu berbangkit boleh disele-

saikan secara baik menerusi perbincangan antara pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan peniaga.

"Program berlangsung secara teratur dan sistematik. MBSA mengucapkan terima kasih kepada peniaga kerana memberi kerjasama baik dalam usaha menyelesaikan isu berniaga tanpa lesen di bahu jalan," kata Azlan Dolah.

Beliau menjelaskan MBSA cuma mengenakan caj RM90 kepada pemohon lesen perniagaan sementara tetapi mereka perlu memperbaharunya se-

tiap tiga bulan.

"MBSA sentiasa berusaha membantu peniaga kecil bagi mengurangkan beban mereka yang terjejas akibat Covid-19, ini komitmen kami sejak dahulu," katanya.

MBSA menyediakan ruang perniagaan antaranya kios, gerai, pasar malam dan medan selera untuk 1,173 peniaga. Sebanyak 318 permit sementara dikeluarkan bagi menampung permintaan peniaga kecil termasuk pengusaha kenderaan saji.

Potensi jadi sumber air baharu

SHAH ALAM - Sungai Klang berpotensi menjadi sumber bekalan air baharu kepada Selangor pada masa hadapan berikutan kualitinya semakin baik, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata indeks kualiti air sungai kini berada pada tahap tiga dan diyakini mampu mencapai tahap dua iaitu lebih baik secara konsisten.

"Saya sudah bertemu Menteri Alam Sekitar dan Air (Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man) dan antara perkara dibincangkan adalah perkara tersebut (menjadikan Sungai Klang sebagai sumber air).

"Jika sasaran itu berjaya dipenuhi 1,000 juta liter sehari (MLD) air mentah dapat disalurkan kepada penduduk negeri ini secara berfasa," katanya pada 18 Ogos.

"Ia menunjukkan perkembangan cukup signifikan kemungkinan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tetapi banyak juga bergantung pada masyarakat kita yang ada kesedaran bersama menjaga kebersihan," katanya.

Friends of River di 20 lokasi

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bakal mengerakkan inisiatif Friends of River (FoR) di 20 lokasi sempena sambutan Hari Sungai Sedunia peringkat Selangor pada 26 September ini.

Dato' Menteri Besar berkata FoR diwujudkan di setiap sungai seluruh negeri bagi pemeliharaan dan pemuliharaan oleh komuniti setempat, badan bukan kerajaan serta pemimpin tempatan.

"Pelancaran inisiatif ini pada asalnya dijadual sekitar Mac lalu ditunda ke September berikutan Covid-19.

"Ia akan dilancarkan serentak secara minima mengikut tatacara operasi piawai tanpa melibatkan jumlah peserta ramai," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 19 Ogos.

Amirudin dijadual melancarkan program tersebut di Sungai Klang dan Gombak yang akan disiarkan secara langsung menerusi media sosial.

Perkenal teksi air pada 2021

SHAH ALAM - Perkhidmatan teksi air di Sungai Klang akan diperkenalkan pada suku pertama tahun depan.

Wakil perhubungan korporat Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) berkata pihaknya dalam proses perbincangan sebelum menentukan jumlah kenderaan itu yang bakal beroperasi.

"Sekarang kita masih berbincang dengan persatuan nelayan dan Tourism Selangor bagi menentukan jumlah teksi air," kata Janitha Sukumaran ketika dihubungi.

Teksi air di Sungai Klang sebahagian pelan induk Gerbang Maritim Selangor yang dibangunkan LLSB, sebuah anak syarikat Pemerdagangan Menteri Besar (MBI).



Amirudin membaca puisi 'Di halaman kembang sepatu ini, selamanya sejahteralah warga' di Kuala Lumpur pada 14 Ogos

Disampaikan dengan penuh patriotisme

MB deklamasi puisi kemerdekaan

OLEH AFIX REDZUAN

KUALA LUMPUR - Dato' Seri Amirudin Shari dengan nada penuh patriotik mendeklamasi sajak bertema Hari Kemerdekaan anjuran Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena) di sini pada 14 Ogos lalu.

Setiap kali menjelang sambutan bersejarah itu, Dato' Menteri Besar sajak menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM) sering mendeklamasikan sajak dalam penyertaannya Sayembara Puisi Hari Kemerdekaan peringkat uni-

versiti.

Kali ini, beliau membaca puisi berjudul 'Di halaman kembang sepatu ini, selamanya sejahteralah warga' karya Al-lahyarham Sazalee Jacob yang popular menjelang hari bersejarah itu.

Antara bait sajak berkenaan menyebut: Generasiku yang merdeka/ Kita tidak pantas meneruskan nafas perjuangan ini/ Andai kita menjadi api yang marak diam merentungkan sekam.

Beberapa penyair termasuk Presiden Pena Dr Mohamad Saleeh Rahamad dan Raja Syair Nusantara Roslan

Madun turut membaca karya bertema kemerdekaan dalam acara Majlis Baca Puisi Merdeka ke-22.

Sasterawan Negara Datuk Zurinah Hassan turut hadir majlis di Rumah Pena di sini bertema 'Orang lain telah merdeka, aku belum', sebuah ungkapan sajak penyair terkenal Latiff Mohiddin.

Amirudin juga melancarkan antologi bertajuk 'Puisi untuk Maharani' tulisan Datin Barupawati Utamaju selain menyaksikan persembahan Kumpulan Dendang Anak bertema 'Takkan Melayu Hilang Di Dunia'.



AgroData lonjak sektor pertanian

SHAH ALAM - Inisiatif AgroData Selangor dijangka dapat meningkatkan pendapatan petani selain menjadikan negeri ini sebagai pusat pertanian utama negara pada masa depan.

Pengerusi Agropreneur Selangor (Agrosel) berkata usaha ini bertujuan mengatasi masalah tiada maklumat tepat keperluan pasaran apabila data permintaan dan pengeluaran tidak lengkap.

Mohd Bukhari Bachok menjelaskan inisiatif itu juga mengelakkan petani atau penternak daripada kerugian kerana dapat menganggarkan jumlah pengeluaran hasil tani.

"Contohnya apabila Kerajaan Selangor mahu membuka 5,000 ekar tanah (di sepanjang Sungai Selangor), kita boleh tahu berapa jumlah petani diperlukan, jenis tanaman atau ternakan dan juga jumlah diperlukan.

"Ia (data) keperluan mendesak pada masa ini berikutan perkembangan pesat dunia yang memerlukan pelaksanaan pertanian pintar berasaskan teknologi," katanya pada 14 Ogos.

Menyifatkan inisiatif itu langkah tepat, Mohd Bukhari percaya data sedemikian boleh membantu Selangor menjadi pusat pertanian utama untuk pasaran luar negara.

Inisiatif berkenaan diperkenalkan melalui pelan pemulihan ekonomi yang dibentang Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 13 Julai lalu.

AgroData bertujuan melengkapkan kesenjangan antara permintaan dan penawaran bahan makanan, sekali gus membantu petani meningkatkan pengeluaran makanan.

Ia juga menawarkan penanaman secara teknologi tinggi atau pertanian pintar dan internet segalanya.

Jadi pembimbing lahir petani moden

Ikon agro diumumkan 1 September

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

AMPANG - Keputusan pencarian 10 individu untuk dinobatkan sebagai Ikon Agro Selangor akan diumumkan pada 1 September, kata EXCO pemodenan pertanian dan industri asas tani.

Ir Izham Hashim berkata pihaknya kini dalam proses membuat penilaian terhadap kira-kira 30 individu yang memohon setakat 17 Julai lalu.

"Kita sudah hantar pasukan untuk buat video pendek dan daripada video tersebut, seramai 20 peserta disenarai pendek yang akan dimuat naik menerusi saluran YouTube Agro Selangor.



"Konsep penjurian adalah 30 peratus daripada undian rakyat (pelayar YouTube) manakala 70 peratus lagi diadili jawatankuasa tetap dan mereka (juri) diberi tempoh seminggu untuk menilai," katanya pada 14 Ogos.

Ir Izham berkata sambutan pertandingan amat menggalakkan selain turut

kagum dengan hasil tani peserta.

Pemilihan ikon terbahagi kepada lima kategori iaitu penternakan, akuakultur, tanaman, industri asas tani dan agro pelancongan sebagai usaha menjadikan Selangor pusat bekalan makanan.

Semua 10 Ikon Agro Selangor dipantau dan diaudit ahli jawatankuasa pertanian negeri selama dua tahun bagi memastikan mereka kekal sebagai penyumbang bekalan makanan dalam jangka panjang.

Setiap ikon menerima kelengkapan pertanian dan wang tunai RM10,000 selain berperanan sebagai pembimbing golongan muda bagi melahirkan lebih ramai petani moden.

500 peserta RiDE dipilih bulan depan

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar mengajak anak muda mendaftar Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) untuk mendapat subsidi lesen motosikal B2 berjumlah RM350.

Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan peserta yang berjaya berpeluang mengikuti kursus e-panggilan bernilai RM200 selain menikmati caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial RM70 setahun.

"Program bagi anak muda bawah 30 tahun ini menyasarkan hampir 3,000 peserta dengan kriteria kelayakan asas dan dijangka menggalakkan mereka berdikari menjana pendapatan dalam sektor ekonomi sampingan yang semakin berkembang," katanya pada 14 Ogos.

Sementara itu, EXCO pembangunan generasi muda menjelaskan kumpulan pertama yang layak

menerima inisiatif RiDE bakal dipilih pada September ini.

Mohd Khairuddin Othman berkata sebanyak 15,000 permohonan diterima sejak dibuka pada 1 Ogos lalu tetapi hanya 500 peserta dipilih berdasarkan kelayakan. Mereka bakal menerima sijil dan sumbangan Kerajaan Negeri.

"Sambutan amat memberangsangkan dari hari ke hari permohonan RiDE sentiasa meningkat. Kita sasar bulan depan (September) kira-kira 500 peserta dipilih bagi kumpulan pertama," katanya.

Pendaftaran boleh dibuat melalui pautan <http://mnselangor.gov.my>

Belanjawan Selangor 2020 memperuntukkan dana awal RM1 juta bagi pelaksanaan RiDE dan ditambah RM1 juta lagi melalui pelan pemulihan ekonomi pada 13 Julai lalu.

Laksana program bekalan makanan di tanah GLC terbiar

SEPANG - Kerajaan Negeri mengenal pasti tanah terbiar hampir 1,000 ekar milik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang berpotensi dibangunkan untuk pertanian dan penternakan.

EXCO pemodenan pertanian dan industri asas tani berkata tanah yang pada asalnya bagi pembangunan bercampur gagal dilaksana berikutan tapak tidak sesuai.

"Contohnya tanah milik sebuah GLC di Pulau Indah, ada 1,000 ekar tidak digunakan. Ia lebih sesuai untuk penternakan ketam berbanding perumahan dan sekiranya tanah mencukupi, Program Keselamatan Bekalan Makanan Selangor dapat dilaksana tidak lama lagi," kata Ir Izham Hashim pada 18 Ogos.

Pelan Pemulihan Ekonomi Selangor 2020 diumumkan 13 Julai lalu memperuntukkan RM50 juta bagi pelaksanaan Program Kesela-

Contohnya tanah milik sebuah GLC di Pulau Indah, ada 1,000 ekar tidak digunakan. Ia lebih sesuai untuk penternakan ketam berbanding perumahan dan sekiranya tanah mencukupi

IR IZHAM HASHIM
EXCO Pemodenan Pertanian dan Industri asas tani



matan Bekalan Makanan dengan menggariskan lima langkah utama.

Langkah tersebut ialah menambah kawasan pertanian, meningkat aktiviti pengeluaran, memperkasa Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, meningkat insentif agropreneur dan menggiatkan kaedah pertanian moden.

SELANGOR

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT Lembaga Editorial CCSB

PENGARANG KUMPULAN Fathi Aris Omar

KETUA PENGARANG Fazallah Pit

PENGARANG Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Naeem Raffi, Mohd Ezli Mashut, Afeeqa Afeera, Hafizan Taib, Aishah Amin & Norzilawati Sidek

WARTAWAN

Afix Redzuan syafiq@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim nazli@mediaselangor.com,

Khairul Azran Hussin khai@mediaselangor.com

Nadiah Zamli sitinadiah@mediaselangor.com

Amin Ridzuan Ishak min.ridzuan@mediaselangor.com

Norrasyidah Arshad norrasyidah@mediaselangor.com

Sheeda Fathil sheeda@mediaselangor.com

Zareef Muzammil zareefmuzammil@mediaselangor.com

Aliff Fikri aliff.fikri@mediaselangor.com

JURUGAMBAR Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof

GRAFIK & REKA LETAK Azwa Malek, Azarina Aziz, Farah Azila Mustapha

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLAMAN

Nadhran Azlan nadhran@mediaselangor.com

Syahir Khadri syahir@mediaselangor.com

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1 Persiaran Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor DE
Tel: 03-5523 4856 Faks: 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com



Mampu jana pendapatan hingga RM1,900 sehari

e-Dapur 'selamatkan' peniaga ketika PKP

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Inisiatif e-Dapur Selangor membantu peniaga meraih semula pendapatan selepas hampir tiga bulan menanggung kerugian susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengusaha teh ais madu Mohd Hairi Mohd Amin berkata pendapatannya mencecah antara RM1,100 hingga RM1,900 sehari sejak menyertai program yang diperkenalkan April lalu.

"Ketika pelaksanaan PKP, saya tidak

boleh membuka gerai dan keadaan ini memberi kesan amat besar kepada kehidupan saya tetapi syukur e-dapur banyak membantu memulihkan perniagaan," katanya melalui video di laman sesawang amirudinshari.com

Pengalaman sama dikongsi Mohd Saiful Abdullah apabila restorannya hampir lingkup selepas tidak berniaga selama beberapa bulan.

"Inisiatif Kerajaan Negeri memberi nafas baharu kepada saya dan kini pendapatan harian konsisten antara RM800 hingga RM900 sehari," katanya.

Bagi Mohd Izzudin, pendapatannya menjual 'sambal chips' semakin baik sejak menyertai program tersebut, malah beliau pernah meraih pendapatan mencecah RM1,500 sehari.

e-Dapur yang dilaksana melalui Platform Selangor dan Grab bermula 18 April lalu meraih nilai jualan RM1.52 juta dalam tempoh sebulan dan bakal diteruskan dengan sasaran 1,000 usahawan.

Inisiatif itu akan diperluaskan kepada khidmat barangan runcit, restoran, farmasi dan produk usahawan.

Air Selangor tawar kursus tukang paip

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) melancarkan dua inisiatif berjumlah RM200,000 bagi membantu golongan kurang mampu akibat penularan Covid-19.

Pengarah operasinya, Abas Abdullah berkata ia membabitkan kursus kemahiran perantis tukang paip serta khidmat pembaikan paip dalaman itu disasarkan kepada penduduk di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Beliau berkata peserta menjalani 25 peratus latihan teori dan 75 peratus praktikal dalam bidang perkhidmatan dan pembaikan utiliti air melalui kursus kemahiran tukang paip.

"Untuk inisiatif khidmat pembaikan paip dalaman, Air Selangor mengutamakan penghuni Projek Perumahan Rakyat, rumah kos rendah dan luar bandar yang berdepan masalah kewangan," katanya.



Abas melancarkan kursus kemahiran perantis tukang paip dan khidmat pembaikan paip dalaman pada 14 Ogos

Abas berkata peserta bakal menerima sijil dari Akademi Binaan Malaysia dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia bagi memudahkan urusan mendapat kerja.

Pemohonan kursus itu dibuka mulai 14 Ogos hingga 20 Oktober depan. Permohonan boleh dibuat dengan memuat turun borang pendaftaran di laman sesawang Air Selangor.

Banjir: RM19.1 juta baik pulih benteng

DENGKIL - Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM19.1 juta untuk membaik pulih benteng penahan banjir Sungai Langat bagi mengatasi isu kekerapan banjir di kawasan berkenaan, kata EXCO infrastruktur dan kemudahan awam.

Ir Izham Hashim berkata kerja naik taraf sepanjang lapan kilometer di sungai tersebut dijangka bermula tahun hadapan dan siap dalam tempoh dua tahun lagi.

"Pada tahun ini saja, sudah dua kali banjir berlaku iaitu pada 18 Julai dan kali kedua pada 31 Julai lalu ketika Aidiladha, semuanya disebabkan taburan hujan yang tinggi sehingga menyebabkan benteng penahan pecah.

"Diharap projek ini dapat menyelesaikan masalah dan melegakan penduduk kerana banjir menyebabkan banyak kerugian kepada mereka," katanya pada 18 Ogos.

Usahawan sertai Selangor Restart

SHAH ALAM - Program Keusahawanan Selangor Restart mendapat sambutan menggalakkan apabila disertai 250 usahawan yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Anjuran Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) dan EXCO Pembangunan Usahawan, program bertujuan menaikkan semangat peserta untuk meneruskan perniagaan.

"Pelaksanaan program ini bukan sekadar dapat mengoptimalkan impak dalam memajukan usahawan secara menyeluruh malah ia memberikan motivasi kepada mereka untuk bangkit walaupun penularan pandemik belum berakhir," kata Rodziah Ismail pada 12 Ogos.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari menyempurnakan majlis penutup dan menyampaikan cek cura RM11.8 juta kepada Hijrah bagi membantu 1,036 usahawan sebagai tambahan modal perniagaan.

Cukai pelancongan RM21.8 juta

SHAH ALAM - Selangor mengutip cukai pelancongan berjumlah RM21.8 juta tahun lalu.

Pengurus Besar Tourism Selangor Azrul Shah Mohamad berkata kutipan termasuk perkhidmatan dan kos kepada pelancong yang menginap di hotel.

"Cukai ini penting bagi memberi perkhidmatan lebih baik kepada pelancong dalam usaha menyokong pembangunan industri tersebut di negeri ini," katanya pada 13 Ogos.

Kerajaan mengecualikan cukai pelancongan bermula 1 Julai lalu hingga 30 Jun 2021 sebagai langkah mengaktifkan semula industri itu di negara ini.

Agensi pelancongan, pengusaha hotel dan syarikat penerbangan diberi penangguhan bayaran ansuran anggaran cukai sehingga hujung tahun ini manakala khidmat penginapan mulai 1 September hingga 30 Jun tahun depan.



Pantau premis di semua lokasi

SHAH ALAM - Serbuan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) tidak hanya tertumpu kepada premis yang melanggar peraturan di Bandar Baru Sungai Buloh, sebaliknya ia dijalankan di pelbagai lokasi.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya berkata majlis itu tidak bertolak ansur terhadap mana-mana peniaga tanpa lesen atau mengubah suai premis tanpa kebenaran.

"Tindakan penguatkuasaan akan dikenakan bukan sahaja kepada warga asing malah penduduk tempatan yang melakukan kesalahan," kata Shahrin Ahmad pada 14 Ogos.

Beliau berkata pemeriksaan sedemikian juga dijalankan secara berterusan, terbaru di sekitar Kampung Bukit Naga, Seksyen 32 di sini.

Antara dirampas ialah tong gas, barangan runcit, meja dan kerusi serta mesin memproses ayam.

Pada 9 Mei, sembilan premis di Kampung Baru Hicom di sini termasuk lima kendalian warga asing diarah tutup dan 12 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan.

Dua premis milik warga asing pula ditutup, manakala sembilan lagi dikompaun dalam pemeriksaan di Seksyen U4 pada 3 Jun.

Pada 8 Julai, dua premis milik rakyat tempatan di Seksyen 7 di sini yang dikendalikan warga asing turut disita.

Dua premis milik warga tempatan di Paya Jaras, Sungai Buloh yang mengupah pekerja asing disita pada 21 Julai.

Contohi MBSA susun peniaga

SHAH ALAM - Pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor disaran mencontohi Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang mengadakan program penyusunan semula peniaga kecil dan penjaja.

EXCO pembangunan usahawan berkata pelbagai perkara boleh ditambah baik melalui maklum balas terus dalam program seumpama itu.

Rodziah Ismail juga mencadangkan Majlis Perundingan Peniaga, Peniaga Kecil dan Penjaja diwujudkan pada peringkat PBT dan pertemuan seperti ini dibuat sekurang-kurangnya setahun sekali.

Beliau menjelaskan perjumpaan demikian memudahkan PBT mendapat lebih banyak maklumat berhubung perkara yang perlu diperbaiki dan ditambah baik.

"Selain itu, kita juga boleh memberikan latihan kepada peniaga bukan sekadar untuk berniaga semata-mata tetapi memanfaatkan peluang dalam era pendigitalan," katanya pada 16 Ogos.

Program Penyusunan Semula Peniaga dan Penjaja Bandar Baru Sungai Buloh yang berlangsung dua hari mulai 15 Ogos lalu dihadiri lebih 500 usahawan kecil.

MBSA turut meluluskan pemberian lesen perniagaan sementara kepada 180 orang.

Kenal pasti lokasi bina kompleks arked

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri mengenal pasti beberapa lokasi untuk membina kompleks arked niaga di Bandar Baru Sungai Buloh, kata Ahli Dewan Negeri Paya Jaras.

Mohd Khairuddin Othman berkata kompleks tersebut boleh menempatkan lebih 200 peniaga sekali gus menyelesaikan isu

peniaga dan penjaja di bahu jalan.

"Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) ada cadangan beberapa lokasi dan kita akan lihat kesesuaian lokasi sebelum diwartakan bagi membolehkan pembangunan dilakukan.

"Kita jangka kompleks arked niaga siap dibina dalam tempoh dua hingga tiga ta-

hun dan diharap memberi kemudahan kepada peniaga dan masyarakat sekitar Sungai Buloh," katanya pada 15 Ogos.

Mohd Khairuddin berkata cadangan membina kompleks perniagaan tersebut telah lama dirancang tetapi tergendala susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Bantuan RM500 ketika PKP

Prihatin nasib penjaja



Penjaja memohon permit perniagaan sementara dalam program Penyusunan Semula Peniaga dan Penjaja Bandar Baru Sungai Buloh Bersama MBSA pada 16 Ogos

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Bantuan sekali bayar RM500 kepada peniaga dan penjaja kecil melalui pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin membuktikan keprihatinan terhadap golongan itu, kata EXCO kerajaan tempatan.

Ng Sze Han berkata Kerajaan Negeri juga melarang warga asing berniaga bagi memastikan peniaga tempatan meraih lebih keuntungan tatkala ekonomi terjejas akibat Covid-19.

"Langkah tersebut selaras aspirasi Kerajaan Negeri untuk melindungi peniaga dan penjaja kecil, malah kita pastikan setiap dasar memberi dampak positif kepada rakyat.

"Dakwaan kita tidak membantu golongan penjaja adalah tidak betul, mungkin ada keputusan tidak mendapat sokongan atau tidak memuaskan hati pihak tertentu tetapi kita cuba selesaikan sekiranya ada masalah," katanya pada 15 Ogos.

Kerajaan Negeri setakat ini membelanjakan RM10 juta daripada RM40 juta insentif yang diperuntukkan kepada peniaga dan penjaja kecil melalui pakej itu bagi menangani kesan wabak.

Terdahulu, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melaksanakan pelbagai inisiatif membantu usahawan kecil memajukan perniagaan mereka.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya berkata bantu-

an itu termasuk pengecualian bayaran lesen pada April dan Mei lalu bagi meringankan beban mereka akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Shahrin Ahmad menjelaskan susulan itu majlis berkenaan menanggung kesan kewangan lebih RM1 juta, selain menyediakan ruang perniagaan antaranya kios, gerai, pasar malam dan medan selera yang memanfaatkan 1,173 peniaga.

"Sebanyak 318 permit sementara juga dikeluarkan untuk menampung permintaan peniaga kecil termasuk pengusaha kendera saji.

"Bantuan diberikan kepada peniaga yang berdaftar dengan MBSA yang terjejas akibat PKP," katanya.

Hanya buang struktur tambahan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menegaskan ia tidak meroboh gerai di Bandar Baru Sungai Buloh, sebaliknya membuang struktur binaan tambahan.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) itu juga mendapati seramai 16 pemilik gerai sudah menanggalkan struktur binaan premis mereka sebagai mematuhi arahan.

Ketua Bahagian Korporat dan Per-

hubungan Awamnya Shahrin Ahmad berkata tiga unit kabin, lima unit sengkuaap depan dan 16 unit sengkuaap lorong belakang dirobok dalam operasi pada 12 Ogos.

"Dalam operasi ini, MBSA juga merobok struktur binaan atau tambahan pindaan di premis yang disyaki perjudian haram serta menyita barangan. Sebanyak tujuh premis judi disita," katanya pada 13 Ogos lalu.

Shahrin berkata Seksyen 46 (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) memberi kuasa kepada PBT untuk membuang halangan di tempat awam tanpa notis.

Operasi itu dijalankan dengan kerjasama polis, Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen, Tenaga Nasional Berhad, Air Selangor dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Ramai penerima lesen bersyukur, ada yang sebak

'Umpama nyawa baharu'

OLEH KHAIRUL AZRAN HUSSIN

SHAH ALAM - Semua 180 peniaga yang menerima lesen sementara dalam program Penyusunan Semula Peniaga dan Penjaja Kecil di Bandar Baru Sungai Buloh bersyukur berikutan permohonan mereka diluluskan.

Kebanyakan mereka yang ditemui pada 16 Ogos gembira, manakala sebahagian lagi kelihatan sebak, malah menitiskan air mata kegembiraan.

Peniaga sate, **Tuan Ali Tuan Dahalam**, 54, dalam nada sebak berkata kehadiran-nya sekadar mencuba nasib dan terkejut dimaklumkan permohonan permitnya diluluskan.

"Sebelum ini saya berniaga tanpa lesen di merata tempat dan terima kasih kepada MBSA kerana membantu memudahkan permohonan masyarakat bawahan seperti kami.

"Kaedah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) ini amat sistematik dengan memberi kelulusan permit dalam tempoh dua hari sahaja," katanya pada 16 Ogos.

Perasaan terharu turut dikongsi bekas pemandu teksi, **Ahmad Jais Abdul Aziz**, 51, yang menyifatkan pemberian permit



**Tuan Ali
Tuan Dahalam**



**Ahmad Jais
Abdul Aziz**



M Thayamani



**Muhammad Hazim
Shuhaimi**



**Muhammad Jamil
Jalisman**

itu umpama nyawa baharu kepada dirinya.

"Saya kehilangan sumber pendapatan sejak Mac akibat penularan Covid-19. Jika saya teruskan pekerjaan ini, pendapatan diperoleh tidak setimpal kerana kurang pelanggan terutama pelancong.

"Saya bersyukur kepada Allah kerana membantu memudahkan urusan juga kepada MBSA kerana membantu golongan peniaga," katanya yang berniaga air balang dan kuih.

M Thayamani, 21, pula berkata selepas empat tahun berniaga nasi campur tanpa

lesen, akhirnya dia menarik nafas lega apabila permohonannya diluluskan.

"Saya tidak perlu lagi berniaga dalam keadaan takut. Saya puji MBSA kerana dapat menyelesaikan isu peniaga tanpa permit dalam keadaan aman serta sistematik," katanya.

Peniaga air durian belanda, **Muhammad Hazim Shuhaimi**, 22, berkata pendekatan MBSA mendekati golongan peniaga dan penjaja kecil wajar diteruskan dari semasa ke semasa.

"Langkah sebegini akan mengelak wu-

judnya peniaga tanpa lesen di bahu jalan, saya juga mencadangkan kepada MBSA membuka peluang memohon permit dalam kalangan anak muda," katanya.

Bagi **Muhammad Jamil Jalisman**, 22, dia bersyukur kerana dapat menunaikan impian emaknya sejak sekian lama untuk memiliki lesen perniagaan sendiri.

"Sebelum ini saya dan emak menjual nasi lemak dengan menumpang gerai makan pihak lain, selepas ada lesen sah mungkin kami boleh besarkan sedikit perniagaan kami," katanya.

Jawab tohmahan, MBSA jelas isu Sungai Buloh

SHAH ALAM - Merungkai persoalan besar membabitkan warga peniaga dan penjaja di Bandar Baru Sungai Buloh, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) tampil dengan siri penjelasan dalam bentuk soal jawab.

Bagi membela nasib usahawan kecil tempatan, pihak berkuasa tempatan itu memperkenalkan program penyusunan semula peniaga dan penjaja di kawasan berkenaan. Berikut penjelasan ringkas MBSA:

Benarkah gerai diroboh dan peniaga diusir?

Tidak benar. Penjaja dan peniaga yang menepati syarat pelesenan tidak terlibat. MBSA hanya meroboh struktur tambahan yang dibina tanpa kebenaran. Tiada gerai diroboh.

Apakah tindakan terhadap pengusaha yang tidak menepati syarat?

MBSA mengambil tindakan terhadap tujuh premis perjudian yang disita, satu unit gerai, tiga unit kabin, lima unit sengkup hadapan, 16 unit sengkup lorong belakang. Bagi tujuh premis perjudian haram, dinding penyekat di premis itu diroboh dan barangan disita.

Selain itu, satu unit gerai, tiga unit kabin dan lima unit sengkup hadapan diroboh manakala pengusaha 16 unit gerai yang didakwa diroboh sebenarnya ditanggalkan sendiri pemilik premis.

Mengapa gerai dan kabin diroboh?

Tidak ada. Pengusaha gerai menjalankan perniagaan percetakan di zon industri ringan. Tiga kabin dibina secara tetap dan dijadikan restoran tanpa kelulusan dan ia dikategori sebagai salah guna bangunan.

Bagaimana kes premis yang dicabut sengkup? Adakah perniagaan mereka dihentikan?

Tidak. Yang diruntuhkan hanya penambahan tanpa izin. Semua 16 peniaga dibenarkan berniaga. Perjumpaan khusus juga diadakan bagi membantu mereka memperoleh kelulusan segera.

Hanya premis orang Melayu dikacau. Adakah ini betul?

Penguatkuasaan dibuat tanpa pilih bulu. Selain kabin restoran, satu daripadanya dimiliki persatuan Cina & sebuah lagi milik kuil Hindu yang dibina tanpa kelulusan. Pemilik juga boleh menuntut semula kabin keesokannya.

Mengapa hanya jalankan operasi di Bandar Baru Sungai Buloh?

Operasi ke atas 44 premis perniagaan tanpa lesen sekitar Bandar Baru Sungai Buloh dibuat sejak awal tahun lagi. Operasi penyusunan semula juga dibuat di kawasan lain iaitu:

- i) Kampung Baru Hicom, Seksyen 26 Shah Alam (9 Mei)
- ii) Kampung Baru Sungai Buloh, Seksyen U4 (3 Jun)
- iii) Seksyen 7, Shah Alam (8 Julai)
- iv) Paya Jaras Hilir (20 Julai)
- v) Paya Jaras (29 Julai)

Mengapa sita premis sewaktu rakyat berdepan krisis ekonomi akibat Covid-19?

MBSA prihatin terhadap cabaran ekonomi yang dihadapi peniaga ketika ini. Bayaran lesen yang seharusnya dibayar pada April & Mei 2020 dikecualikan. Ia membabitkan kesan kewangan RM1,081,438.

Kerajaan Selangor turut menghulurkan bantuan sekali bayar RM500 kepada peniaga melalui peruntukan RM1.5 juta.

Kompaun terhadap gerai yang terlibat dalam penyusunan semula juga ditangguh hingga tahun hadapan.





Segera atasi isu pengangguran

SHAH ALAM - Kerajaan persekutuan digesa mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan belia yang dijangka meningkat susulan pertambahan graduan akibat kemelut ekonomi.

Presiden Parti Keadilan Rakyat Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata angka terkini pengangguran mencecah 14.2 peratus pada Mei, hampir tiga kali ganda berbanding paras purata nasional.

"Ramai belia hari ini yang sedang bertungkus-lumus mencari pekerjaan, mengalami kesukaran dalam memulakan perniagaan dan juga tidak berupaya untuk menyimpan dengan kadar yang munasabah bagi mendukung perbelanjaan saat ini dan juga masa depan.

"Ini adalah akibat dan kesan daripada permasalahan seperti gaji yang tidak meningkat dan kos sara hidup yang cukup membebankan," katanya pada 12 Ogos.

Anwar menambah belia perlu diberi peluang menceburi bidang digital kerana mereka berpotensi mencipta kegemilangan tetapi kurang mendapat sokongan selain kekurangan dana.

Katanya, pemimpin tidak boleh meremehkan semangat aktivis sebaliknya menyediakan peluang yang tepat bagi memanfaatkan kemampuan mereka.

PAKATAN tidak akan berundur

Pertahanan mandat, jadi suara rakyat

OLEH **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - Pakatan Harapan (PAKATAN) tidak akan berundur dalam perjuangan sebaliknya terus mempertahankan mandat rakyat dengan semangat, kekuatan dan setiakawan baharu.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata PAKATAN juga bertekad untuk terus berusaha menjadi suara rakyat di Parlimen sambil meneruskan ikhtiar mengembalikan



mandat rakyat.

"Adakah kerajaan ini boleh bertahan hanya dengan 111 sokongan ahli parlimen atau akan ada lagi episod sogokan dengan segala ugutan dan tawaran pangkat atau jawatan?" katanya pada 17 Ogos.

Ketua pembangkang turut mempersoalkan kewibawaan kerajaan Perikatan Nasional selepas proses undian Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan (Pengun-

tukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020.

RUU berkenaan diluluskan di peringkat dasar dengan sokongan 111 ahli parlimen manakala 106 wakil rakyat yang lain memilih untuk menentang.

Bagaimanapun, PAKATAN turut berpuas hati dengan alasan yang diberikan tiga ahli parlimen yang tidak hadir semasa proses undian hari ini kerana sibuk dengan urusan Pilihan Raya Negeri Sabah.

KEADILAN parti 'paling berjaya'

SHAH ALAM - Jumlah keanggotaan Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) melebihi sejuta sekali gus menjadi 'parti pelbagai kaum paling berjaya', kata ketua setiausaha pengelolanya.

Nik Nazmi Nik Ahmad berkata bilangan anggota mencecah 1,004,629 manakala kekuatan ranting ialah 1,108

di 222 cabang KEADILAN seluruh negara selepas 21 tahun parti itu ditubuh.

"Fakta ini membuktikan kekuatan KEADILAN sebagai parti massa, nasional dan pelbagai kaum paling berjaya dalam sejarah negara," katanya pada 12 Ogos.

Nik Nazmi bagaimanapun mengi-

ngatkan pemimpin dan ahli supaya jangan cepat berpuas hati kerana pencapaian tersebut masih terlalu awal untuk diraikan.

Katanya, setiap lapisan pimpinan parti digesa mempergiat usaha menarik anggota dan penubuhan ranting baharu bagi berdepan pilihan raya umum ke-15.

GRANDE II TERES 2 1/2 TINGKAT

Lot Bumiputera Sedia Ada
7% Diskaun Bumiputera




- Keluasan binaan 3,471kps dengan 4+1 bilik
- Taman linear bersebelahan ruang tamu
- Ruang rekreasi di tingkat atas
- Berdekatan kemudahan dan lebuh raya utama

03-5032 7803

METROGEN

Exceptional Homes. Outstanding Value. Always.



Project manager: METROGEN SDN BHD (538106-H) • Developer: KUBU INTEGRASI SDN BHD (513070-P) • Address: 5th Floor, Bangunan Palm Grove, No. 14, Jalan Glenmarie (Persiaran Kerjaya), Section U1, 40150 Shah Alam, Selangor. • Lesen Pemaju: 11646-4/06-2022/0366/L • Tempoh Sah: 25/06/2020 hingga 24/06/2022 • Permit Iklan: 11646-4/06-2022/0366/P1 • Tempoh Sah: 25/06/2020 hingga 24/06/2022 • Badan Berkuasa: Majlis Perbandaran Sepang • No. Kelulusan Pelan: MPSPG.9/CYB/87/08 JLD7(2) • Hak Milik Tanah: Pajak 99 Tahun • Tamat Pajak: 30/1/2102 • Bebanan: Tiada • Tarikh Jangkaan Siap: Julai 2022 • Fasa 7 • Jenis A (Rumah Teres 2 1/2 Tingkat) • Jumlah Unit: 46 unit • Harga Jualan: (Min.) RM1,440,000.00 hingga (Maks.) RM2,665,000.00 • Jenis B (Rumah Teres 2 1/2 Tingkat) • Jumlah Unit: 15 unit • Harga Jualan: (Min.) RM1,540,000.00 hingga (Maks.) RM2,704,000.00 • Sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadaikan melainkan dengan kebenaran pihak berkuasa negeri • 7% diskaun untuk Bumiputera

KONDO BERHADAPAN TASIK

**TASIK
RESIDENCY**

- Keluasan binaan amat besar 2,598kps
- Rumah Kelab 50,000kps
- 20 jenis fasiliti moden
- Sekuriti 24-jam
- 3 lot tempat letak kereta



Lot Bumiputera Sedia Ada
7% diskaun bumiputera

METROGEN
Exceptional Homes. Outstanding Value. Always.
03-5032 7803

Pemaju: SAMIK CORPORATION SDN BHD (200177-A) • Alamat: Tingkat 5, Bangunan Palm Grove, No. 14, Jalan Glenmarie (Persiaran Kerjaya), Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor. • Lesen Pemaju: 11673-2/03-2021/01763/L • Tempoh Sah: 16/03/2020 to 15/03/2021 • Permit Iklan: 11673-2/03-2021/01763/P1 • Tempoh Sah: 16/03/2020 to 15/03/2021 • Badan Berkuasa: Majlis Perbandaran Sepang • No. Kelulusan Pelan: MPSPG.9/D/05/11 • Jenis Pegangan Tanah: Pajak • Tempoh Pajak: 99 Tahun • Tamat Pajak: 22/3/2115 • Bebanan: Tiada • Tarikh Jangkaan Siap: April 2020 • Blok A • Jumlah Unit: 300 • Harga Jualan: RM850,548.00 (Min.) - RM1,320,904.00 (Maks.) • Blok B • Jumlah Unit: 370 • Harga Jualan: RM722,760.00 (Min.) - RM1,639,550.00 (Maks.) • Sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadaikan melainkan dengan kebenaran pihak berkuasa negeri • 7% diskaun untuk Bumiputera • *Tertakluk kepada terma dan syarat



JASA... Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengurniakan Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) membawa gelaran Tan Sri kepada Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah pada Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2020 bersempena Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong di Istana Melawati pada 17 Ogos. Foto BERNAMA

Ekonomi menguncup susulan wabak

Terburuk sejak 1998

KUALA LUMPUR - Ekonomi Malaysia menguncup 17.1 peratus dalam suku kedua 2020, penyusutan dua angka bagi suku yang terburuk sejak 1998 berikutan penularan Covid-19.

Pada suku keempat 1998, Malaysia mencatatkan penyusutan 11.2 peratus dan pada suku kedua 2019, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencecah 4.9 peratus.

Bagi suku ini, sektor perkhidmatan, perlombongan dan kuari dan pembinaan masing-masing susut 16.2 peratus, 18.3 peratus, 20 peratus dan 44.5 peratus, kata Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin.

"Sektor pertanian bagaimanapun men-

catkan pertumbuhan 1.0 peratus.

"Susulan pertumbuhan kecil sebanyak 0.7 peratus bagi suku pertama tahun ini, KDNK bagi separuh pertama mencecah -8.3 peratus berbanding 4.7 peratus tahun lepas," katanya pada 14 Ogos.

Menurutnya, Bank Negara telah menyemak semula unjuran pertumbuhan KDNK 2020 kepada -3.4 hingga -5.5 peratus daripada -2 hingga 0.5 peratus sebelum ini berikutan anggaran awal itu berdasarkan tempoh PKP selama empat minggu berbanding tujuh minggu.

Ekonomi dijangka pulih dan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.5 peratus kepada 8 peratus pada 2021.

- BERNAMA



Agong titah banyakkkan program rakyat

PUTRAJAYA - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mezhahirkan harapan agar kerajaan terus memperbanyak dan melaksanakan program kesejahteraan rakyat pada masa hadapan.

Al-Sultan Abdullah bertitah baginda sangat menyanjung tinggi pelbagai usaha keras dan langkah berani yang telah dan bakal diambil kerajaan untuk melindungi keselamatan dan kesejahteraan rakyat jelata.

"Beta telah mengikuti ucapan memanda Perdana Menteri dan beta menghargai tindakan bestari kerajaan beta dalam memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat dan juga Pelan Jana Semula Ekonomi Negara. Beta percaya rakyat jelata akan mendapat manfaat daripada pakej-pakej tersebut," titah Al-Sultan Abdullah pada 17 Ogos.

Yang di-Pertuan Agong turut bersetuju dengan pendekatan holistik yang diambil kerajaan bagi menggiatkan semula sektor ekonomi dan perindustrian negara, di samping mewujudkan ekosistem yang lebih mesra perniagaan dan lebih banyak peluang pekerjaan.

Al-Sultan Abdullah juga mengajak rakyat jelata untuk bersama-sama me-

Beta menghargai tindakan bestari kerajaan beta dalam memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat dan juga Pelan Jana Semula Ekonomi Negara. Beta percaya rakyat jelata akan mendapat manfaat daripada pakej-pakej tersebut

DYMM YANG DI-PERTUAN AGONG

ngorak langkah maju ke hadapan, memandang pada pengamatan Seri Paduka, segala dugaan itu mampu dihadapi menerusi pembentukan simbiosis yang erat antara kerajaan dengan rakyat.

Seri Paduka juga sedar bahawa pandemik Covid-19 masih belum selesai dan ia mengundang keadaan sukar yang membawa keduakaan kepada rakyat jelata, dan negara sendiri telah melalui pelbagai cabaran getir ekoran daripada pandemik itu. - BERNAMA

KEDIAMAN ISTIMEWA UNTUK DIDAMI
kediaman buat keluarga bahagia

RESIDENCE

Pegangan Kekal

Mr. Lee 012 389 3522
Daniel 012 339 7913
Oscar 010 395 3494

Goldenchamp Development Sdn Bhd (162317-16)
No. 34-A, Jalan 1/2, Sekayen 1, Bandar Teknologi Kajang, 43500 Semenyih,
Selangor Darul Ehsan. Tel. No: 03-8724 5296 Fax. No: 03-8724 9588

* Lesen Pemaju: 19561-1/12-2020/01/1363 | * Tempoh Sah: 31/12/2020 * No. Permit Binaan & Jual: 19561-1/12-2020/01/1363 | * Tempoh Sah: 31/12/2020 * Pegangan Tanah: Pegangan Bebas / Rizab Melayu * Bilangan Tanah: Public Bank Berhad (660)45 * Dijangka Siap: Sept 2020 * Jumlah Unit Rumah: Seres 2 Tingkat (32'x61') 63 unit * Jenis Rumah: Corner / End / Intermediate * Harga Rumah: RM488,000.00 (Minimun) - RM 490,000.00 (Maksimum) * Kalkulation Pihak Berkuasa Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Sepang * No. Rujukan Pelan: SP/Segang/P1/009-34/9/22

Semua visual, seni dan gambar yang terdapat dalam periklanan ini adalah pandangan artistik sahaja. Pemaju berhak untuk mengubahsuai mana-mana bahagian bangunan sebelum siap seperti yang ditunjukkan atau melakukan perubahan dan / atau pihak berkuasa yang berkenaan. Semua tarangan, susun atur, maklumat dan spesifikasi boleh berubah dan menjadi sah sebagai daripada kawasan atau persembahan akhir.

56 tahun rancakkan pembangunan Selangor

PKNS berjaya buka 11 bandar baharu

OLEH NAZLI IBRAHIM

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bukan sahaja sekadar pemaju perumahan dan pusat komersial, namun entiti penting dalam membantu pembangunan Selangor hingga mencapai status negeri maju.

Ditubuhkan pada 1 Ogos 1964, PKNS adalah perintis pembukaan 11 bandar baharu yang menjadi hab penting dan memangkinkan lonjakan ekonomi negeri antaranya Shah Alam dan Petaling Jaya.

Lebih membanggakan, kepesatan pembangunan PKNS di Shah Alam dan Petaling Jaya akhirnya mendorong kedua-dua bandar ini dinaik taraf sebagai bandar raya.

Lihat sahaja Shah Alam yang bukan sahaja dikenali sebagai ibu negeri Selangor tetapi bandar raya berkeluasan 3,237 hektar ini cukup terkenal sebagai ikon kemajuan dan kejayaan Selangor.

Begitu juga Petaling Jaya yang terkenal sebagai pusat komersial dengan keluasan 2,306 hektar.

Pada awalnya, PKNS hanya fokus kepada projek pembinaan rumah mampu milik diikuti beberapa pusat komersial dan perindustrian tanpa penglibatan pemaju lain.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Dato' Mohd Azizi Mohd Zain berkata, pemaju swasta lain mula membuka mata untuk menyertai PKNS apabila bandar baharu ini berjaya dibangunkan dengan menjalankan pembangunan bercampur seperti rumah kos tinggi bagi memeriahkan



lagi aktiviti ekonomi Selangor.

"Kejayaan terpenting PKNS adalah membuka bandar baharu untuk penempatan dan merancakkan lagi aktiviti ekonomi sehingga berjaya mencorakkan Selangor hari ini.

"Bila PKNS berjaya membuka bandar baharu dan penduduk juga semakin ramai, barulah pemaju swasta berani untuk masuk memajukan lagi kawasan ini dengan pelbagai projek lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media sempena ulang tahun ke-56 PKNS dan pelancaran 48 Jam PKNS Merdeka Bonanza di Ibu Pejabat PKNS di Shah Alam pada 14 Ogos lalu.

Bandar baharu lain yang diteroka PKNS adalah Ampang, Bandar Sultan Sulaiman, Bandar Baru Bangi, Kelana Jaya, Kota Damansara, Kota Puteri, Antara Gapi, Bernam Jaya dan Selangor Cyber Valley.

Pembukaan semua bandar ini membuka banyak penempatan baharu dan peluang pekerjaan bagi menampung pertumbuhan penduduk disebabkan penghijrahan dan kepesatan ekonomi Selangor.

PKNS juga terlibat dalam membangunkan usahawan tempatan. Antara peranan dimainkan adalah menyediakan ruang niaga yang mampu disewa seperti

di Shah Alam Convention Centre Mall (SACC Mall) dan Kompleks PKNS.

Tidak lupa tanggungjawab komuniti

PKNS juga banyak mengadakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan melalui KasihPKNS.

Antara sumbangan penting, menyediakan penginapan percuma sebanyak 203 bilik di Hotel De Palma Shah Alam dan 86 bilik di Hotel De Palma Ampang untuk petugas barisan hadapan ketika fasa Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan akibat serangan wabak Covid-19.

"PKNS menyedari keletihan dan kesulitan petugas barisan hadapan untuk berulang ke rumah masing-masing serta kebimbangan mereka dengan risiko ahli keluarga dijangkit Covid-19 jika pulang.

"Saya dapat tahu biasanya petugas barisan hadapan ini terpaksa mandi hingga tiga kali kalau mahu balik rumah, tak cukup rehat dan bermacam lagi pengorbanan. Maka sebab itu PKNS tawarkan 289 bilik percuma di hotel milik anak syarikat PKNS," katanya.

Tidak cukup dengan itu, PKNS juga menyumbang 4,000 set pakaian perlindungan diri (PPE) bernilai RM120,000 kepada hospital dan pusat kesihatan.

Melalui program KasihPKNS juga, keuntungan diperolehi disalurkan semula menerusi subsidi perumahan mampu milik, bantuan kepada asnaf fakir miskin dan yang memerlukan serta bantuan pendidikan.

Antara yang terbaru, sumbangan

barangan keperluan asas kepada 80 keluarga di Pulau Carey dan 125 keluarga muafak.

"Sepanjang 56 tahun ditubuhkan, penglibatan PKNS dalam pembangunan negeri cukup banyak bukan sahaja aspek fizikal tetapi merangkumi rohani serta jasmani untuk melahirkan insan berkualiti," kata Mohd Azizi.

Tawar diskaun besar-besaran

Sempena ulang tahun ke-56, PKNS menawarkan pelbagai pakej menarik dalam program 48 Jam PKNS Merdeka Bonanza.

Siri 48 Jam mesti beli ini adalah program kali kelima selepas siri sama diadakan pada tahun 2019 dan 2020.

Program 48 Jam PKNS Merdeka Bonanza akan diadakan bermula jam 11 pagi hingga 4 petang di Galeria dan Dataran Bisnes, Bangunan Ibu Pejabat PKNS, Shah Alam pada 29 dan 30 Ogos.


Mohd Azizi berkata antara tawaran menarik kali ini adalah diskaun pembelian hartanah sehingga 20 peratus bagi pembelian unit rumah dua tingkat Kota Puteri (Puteri Elaisha), rumah berkembar dua tingkat Antara Gapi (Azhara) dan unit duplex Pangsapuri Seksyen 7 Shah Alam (Opal Residensi).

"Tawaran diskaun sehingga 20 peratus atau RM150,000 ini cukup tinggi. Saya menggesa pembeli tidak menolak peluang keemasan yang tidak datang selalu ini," katanya.

Antara pakej lain yang tidak kurang menarik ditawarkan PKNS adalah empat unit penghawa dingin percuma bernilai RM6,000, baucar Harvey Norman (RM4,000), baucar Smart Home Living (RM15,000), baucer pilihan hiasan dalaman (RM10,000), rebat tunai RM20,000 dan pelbagai lagi diskaun serta insentif istimewa.

Siri 48 Jam mesti beli ini turut membabitkan 105 unit rumah link dua tingkat Bernam Jaya (Rafflesia), 154 unit rumah link dua tingkat Antara Gapi (Widuri), 54 unit rumah berkembar Antara Gapi (Cassia), 104 unit rumah link dua tingkat Kuala Selangor (Bayu Malawati) dan 50 unit rumah superlink tiga tingkat Alam Nusantara (Anggun Kirana).

Setiap projek ini masing-masing menawarkan pakej berbeza yang dijangka mencuri perhatian golongan yang sedang mencari hartanah sama ada kediaman atau pelaburan jangka panjang.



Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadirat Allah SWT, dapat kita bersama-sama dalam siri Jelajah Presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN), kali ini sampai ke Selangor Darul Ehsan.

Insyaa-Allah, Datuk Seri Anwar Ibrahim, KEADILAN tetap kukuh di Selangor. Bukan mudah halangan yang harus kita tempuhi, bukan enteng kecaman dan cabaran yang kita lalui seperti yang saya laporkan dalam beberapa pertemuan termasuk Konvensyen Penerangan KEADILAN baru-baru ini.

Walaupun asas, akar, sudut perubahan dan Langkah Sheraton bermula di Selangor; pimpinan negeri, Alhamdulillah tiada satu cabang pun di Selangor terubur daripada episod itu. Walau mereka cuba menarik satu-dua orang untuk keluar dan bersama-sama dengan musuh kita yang masih tidak berubah - caranya, kaedahnya, tidak lagi bersuara 'reform'. Yang bersuara sekarang ini seolah-olah sama dengan Barisan Nasional.

Saya lihat ia bukan melemahkan seperti sahabat saya Najwan Halimi dan Rodziah Ismail sebutkan tadi - digoyang dan digoncang, termasuk ketua Wanita KEADILAN Selangor keluar, parti masih kukuh termasuk sayap AMK dan Wanita. Malah, kita boleh lupakan perbezaan akibat pemilihan lepas dan kita sedia mempertahankan Selangor sebagai wilayah KEADILAN.

Tadi saudara Datuk Seri Shamsul Iskandar mulakan dengan pantun, jadi saya kena jawab tapi ini pantun lama-lama orang Melaka, begini:

*Cau Pandan Anak Bubunnya,
Hendak menyerang negeri Melaka;
Ada cincin berisi bunga,
Bunga berladang si air mata.*

Ini untuk ingatan rakan-rakan kita yang telah keluar ataupun berhasrat mahu keluar.

Seperti ingin bina mahligai, dapat kekuasaan tapi kehebatan itu berladang air mata; hatinya gelisah. Mana mungkin dia boleh kompromi setelah lebih 20 tahun mengkritik rasuah, penyelewengan dan kekejaman. Mana mungkin tidurnya tenang kalau kezaliman masih berlanjutan. Lebih merisaukan mereka, ramai rakan-rakan kita, daripada awal dan baharu, terus kekal bersama KEADILAN - tidak reda atas nama kekuasaan ataupun pangkat; terus kekal bersama perjuangan ini.

Bukan sekali kena serang

Cau Pandan ini bukan 'kacau' tetapi nama putera raja Siam yang tewas selepas menyerang Melaka pada zaman Sultan Muzaffar Shah. Melaka kecil tapi ada kepintaran bendaharanya - Tun Perak. Beliau arahkan orang-orang daripada Klang untuk apa? Untuk pertahankan Melaka daripada tentera Siam. Walau Cau Pandan ada senjata hebat, boleh memamah tetapi berkat doa dan kekuatan Tun Perak dan Sultan Muzaffar Shah, mereka dapat



Reformasi masih jadi hasrat rakyat

pertahankan Melaka.

Itulah kita di Selangor. Bukan sekali kena serang, bukan satu perdana menteri cuba menarik dan menjatuhkan atau merampas kerajaan ini. Sebelum pilihan raya, selepas pilihan raya mereka serang kita. Serang bermacam-macam, keluarkan dakwaan bermacam-macam. Tidak boleh buat apa-apa, mereka fitnah.

Contohnya, apabila Selangor berjaya tangani Covid-19 dengan kaedah yang sedikit berbeza, ada yang 'sentap' di Putrajaya. Ada yang tidak senang dengan kemampuan kita mentadbir, mengurus dengan kaedah kita, lalu mereka serang. Mereka pujuk, cuba dapatkan wakil-wakil rakyat kita. Adalah satu-dua yang 'bergerak' tapi Alhamdulillah, kita masih dikurniakan kerajaan dan majoriti lebih dua pertiga dalam Dewan Negeri Selangor.

Hasilnya, kita buktikan; kita dapat laksanakan. Mereka seranglah macam manapun, fitnahlah apapun, pencapaian kita tidak boleh dinafikan.

Tahun lepas, Selangor jadi negeri nombor satu mencatat pelaburan tertinggi dengan RM17 billion, mengatasi negeri-negeri seluruh Malaysia. Tahun lepas juga mencatatkan, sumbangan KDNK Selangor daripada tahun ke tahun, kian bertambah. Sebelum ini, 22.7 peratus pada 2018, naik kepada 23.7 peratus pada 2019. Selangor sumbang 24.2 peratus, hampir sepenuhnya kek ekonomi dalam negara ini disumbangkan pentadbiran dan pengurusan rakyat yang kita cintai ini.

Bela rakyat

Sebab itu kita harus ada keyakinan, harus positif. Kena lupakan tragedi yang 'menghempas' kita. Bukan sekali kita dicuba, bukan sekali kita hilang pemimpin utama tetapi parti terus mara. Parti ini pernah berdepan situasi paling buruk. Tahun itu pilihan raya 2004, kita hilang semua kerusi. Tinggal satu di Permatang Pauh, menang dengan 600 undi sahaja masa itu.

Saya ketika itu bekerja di Melaka.

Shamsul kalah berapa? Kalah di Bukit Katil - nama dulu Batu Berendam - dengan 24,000 undi. Siapa jangka kita bangkit dan menang bergaya pada 2008, mencatat kecemerlangan hingga 2013. Akhirnya bendera kitalah yang membawa Pakatan Harapan merampas Putrajaya pada 2018.

Berbanding serangan hari ini, kekuatan kerajaan pusat pada masa ini, sebenarnya kita pernah berdepan dengan kerajaan yang lagi ampuh. Pak Lah (Tun Abdullah Badawi) ada lebih tiga perempat kerusi di Parlimen. (Datuk Seri) Najib Razak, ada kekuatan dan ada masa lebih banyak.

Selain itu, sekarang orang sebut kita bimbang dengan undi Melayu, saya sebutkan - kita kena tangani. Tapi, kita tangani undi Melayu bukan bererti kita rasis kerana kita ada prinsip; ini sikap yang harus jelas. Kadang-kadang kita cakap undi Melayu, undi Melayu, undi Melayu, habis tidak boleh jaga macam mana? Masuk Umno, duduk dengan Umno, berbual dengan Umno, berbual dengan pencuri, berkompromi dengan perompak - itu bukan cara kita.

Ingat 1999 tahun pertama kita bertanding pilihan raya? Sebagai parti, 60 peratus orang Melayu ketika itu memberi sokongan hingga diwujudkan banyak kerusi campuran pada 2004. Justeru saya yakin prinsip ini, perjuangan ini - Reformasi masih menjadi pusat kepada hasrat dan nurani rakyat. Masih lagi menjadi niat dan keinginan rakyat. Cuma, kita tahu ada satu-dua silap tetapi kesilapan itu bukanlah besar hingga meruntuhkan akar-akar yang diperjuangkan dalam Reformasi - pentadbiran yang bersih, bertanggungjawab dan prihatin kepada rakyat.

Kerajaan yang pentadbirannya mahu memastikan semua rakyat mendapat pembelaan seadil-adilnya; politik yang bukan berasaskan warna kulit, yang berasaskan keperluan, berasaskan nasib semua orang yang harus dibela. Inilah perjuangan Reformasi yang begitu tegar

dalam nadi dan jiwa kita. Dan sebenarnya diterima rakyat pada 2018.

Yang pergi, biarkan pergi

Yakinlah kita berada di landasan kebenaran dan terus membawa jalan kebenaran. Dengan semangat positif itulah, kita tidak boleh terus menangis, tidak boleh bersedih. Yang pergi biarkan pergi. Pasti ada pengganti, silap-silap yang ganti lebih hebat lagi.

Saya teliti perkembangan parti ini sejak awal, daripada saya masih belajar. Kita hilang ramai pimpinan. Berganti orang cemuh kita, orang mencebik - parti tidak ada kelas, tidak ada standard. Tetapi kerana keyakinan, kerja kita yang berterusan, pendirian kita tekal pada perjuangan.

Saya bersama Shamsul dulu dengan AMK. Kita tidak berhenti bergerak. Tinggal tiga hari hendak raya, sedar-sedar belum balik kampung. Sebab apa? Sebab ketika itu kita yakin walau orang mencebik; walau masa itu kita tidak ada kerajaan, walau masa itu kita tinggal hanya satu ahli parlimen. Sebab kita ada keyakinan.

Dengan keyakinan itu, harus diikuti dengan kerja keras. Sekarang kita harus kumpulkan kekuatan. Pakatan Harapan Selangor telah mengarahkan untuk buka bilik-bilik gerakan pilihan raya. Jangan lagi tertangguh-tangguh, jangan lagi tertunggu-tunggu - bekerjasama, mesyuarat, susun jentera. Kalau kita tidak susun, kita tengok orang sana sini, siapa yang hendak kerja, sampai bila kita mahu terus macam ini?

Lawan kita makin bersedia, tetapi mereka pun masih ada bergaduh lagi. Tapi kalau kita asyik tengok lawan, kita tidak tengok apa nasib kita, sampai bila-bila kita akan terus bersedih, diserang hendap dan akhirnya kita akan kehilangan sesuatu yang pernah kita miliki, yang kita miliki sekarang.

Jadi, saya berterima kasih pada rakan-rakan pimpinan yang berikan sokongan, terus berikan kekuatan dan komitmen jelas sehingga kita di Selangor dianggap sebagai benteng KEADILAN yang kukuh.

Sedutan siri pertama ucapan Dato' Seri Amirudin Shari selaku pengerusi Majlis Pimpinan KEADILAN dalam program Jelajah Presiden KEADILAN ke Selangor pada 7 Ogos. Bahagian kedua minggu depan.



Setiap Jumaat, penghuni berikrar ketika perhimpunan pagi selepas bersarapan. Pengurusan RPA memberi motivasi, teguran, penekanan adab dan hal semasa ▲



▲ Pelatih menjalani kelas fardu ain di bilik kuliah melalui bimbingan guru Majlis Agama Islam Selangor (Mais). Mereka mempelajari aspek ibadah termasuk solat, puasa, sirah dan tauhid



Mereka melazimi solat Subuh berjemaah, diikuti solat sunat Isyarak dan solat Dhuha ▲

SULUHAN NURANI



▲ Sesi kaunseling juga diadakan empat hingga lima kali seminggu, bergantung kepada keperluan. Seorang kaunselor bertauliah disediakan untuk memantapkan keperibadian penghuni

Rumah Puteri Arafiah (RPA) menyediakan pemulihan berteraskan Islam kepada 50 remaja perempuan berusia antara 13 hingga 18 tahun yang terlibat dalam masalah sosial mahupun mangsa penganiayaan bagi membentuk semula keperibadian mereka.

Didirikan di Seksyen 7, Shah Alam sejak 2011, RPA kendalian Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) setakat ini membantu memulihkan akhlak lebih 200 orang.

Sepanjang mereka di situ, pengurusan rumah berkenaan menekankan aspek kerohanian di samping menyediakan kemahiran tertentu kepada penghuni.

Jurufoto **Hafiz Othman** meninjau kegiatan mereka pada 14 Ogos lalu, menjelang sambutan Maal Hijrah.



▲ Pelatih mengikuti kelas menjahit dengan menghasilkan jubah, baju kurung, baju kurung Kedah dan langsir. Kelas itu diadakan setiap Rabu dan Jumaat

◀ Penghuni turut mengikuti kelas kraftangan dengan menghasilkan bantal, pasu hiasan dan bakul. Kelas dijalankan serentak dengan kelas menjahit



◀ Rumah Puteri Arafiah di Seksyen 7, Shah Alam menerapkan pendidikan kerohanian di samping mengasah kemahiran penghuninya



◀ Selepas solat Asar, penghuni berlatih qasidah menggunakan alat muzik antaranya konga untuk mengiringi nyanyian sebagai unsur terapi dan riadah. Alat lain seperti djembe dan tamborin juga digunakan



▲ Pada waktu senggang, pelatih membuat ulang kaji termasuk membaca buku di perpustakaan. Pengurusan RPA turut menyediakan lima guru tuisyen kepada tiga penghuni yang mengambil peperiksaan SPM



▲ Penghuni bergotong-royong termasuk menyiram pokok, membersihkan halaman, ruang makan, dapur dan kolam ikan hiasan setiap pagi selama kira-kira sejam



Program Trek bimbing pelajar ke IPTA

SHAH ALAM - Program Trek Dewan Undangan Negeri Sentosa berjaya menarik hampir 30 pelajar walaupun baru dilancarkan hujung Julai lalu.

Ahli Dewan Negeri berkata program itu membimbing pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun depan dan lepasan SPM tahun lalu mendapat tempat ke institut pengajian tinggi awam.

"Menjadi satu tanggungjawab kita bagi memastikan anak muda dibimbing agar mereka berada di landasan yang betul supaya mendapat peluang melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat tertinggi.

"Sehingga kini, seramai sembilan pelajar lepasan SPM 2019 berjaya dibimbing," kata Dr G Gunarajah.

Beliau menambah program setiap Selasa pada jam 7 petang di Pusat Khidmat Masyarakat Sentosa memberi khidmat bimbingan kepada pelajar.



Giatkan kempen larang minum arak di taman

SHAH ALAM - Pihak berkuasa tempatan disaran menggiatkan kempen larangan merokok dan minum arak termasuk kompaun di tempat awam ke media sosial.

Ahli Dewan Negeri Dusun Tua mencadangkan ia sebagai peringatan supaya si



pelaku tidak mengulangi kesalahan sama sekali gus menghorramati ketenteraman awam.

"Ia memberi kesedaran kepada masyarakat sehingga mereka yang mahu buat perkara itu berasa janggal," kata Edry Faizal Eddy Yusof pada 11 Ogos.

Pada 14 Julai lalu, Selangor

muncul negeri pertama menguatkuasakan perintah larangan menghisap rokok, rokok elektronik dan meminum minuman keras di taman permainan serta rekreasi.

Jika didapati melakukan kesalahan, mereka boleh dikompaun sehingga RM1,000 mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Taman 2005 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Buka peluang wanita jadi usahawan

Produk kraf ke pasar raya besar

OLEH AMIN RIDZUAN ISHAK

SHAH ALAM - Seramai 10 pemegang kad Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) menjadi perintis kepada program usahawan kraftangan mengait atau crochet anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Meru.

Ahli Dewan Negerinya berkata mereka menghasilkan produk hiasan dalaman rumah dan aksesori wanita antaranya pelapik meja, kusen serta beg tangan yang dipasarkan ke pasar raya utama

termasuk Isetan.

"Kita bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan bagi memasarkannya ke pasar raya besar supaya produk ini dapat dijual pada harga lebih tinggi dan menguntungkan apabila dibeli pelancong.

"Program ini untuk menyokong sasaran menjadikan DUN Meru sebagai hab kraftangan mengait terkemuka di negara. Ia juga membantu peserta mencari rezeki," kata Mohd



Fakhrulrazi Mohd Mokhtar pada 14 Ogos.

Beliau berkata pihaknya akan membuka peluang usahawan ini kepada lebih ramai golongan wanita selepas melihat pelaksanaan program perintis membabitkan 10 pemegang kad KISS.

"Kita mahu selepas ini mereka dapat berdikari dan memasarkan produk dengan cara betul supaya dapat mengaut keuntungan lebih banyak," katanya.

YB Kita

Ahli Dewan Negeri N29 SERI SERDANG

■ **Nama:**
Siti Mariah Mahmud

■ **Umur:**
67 tahun

■ **Negeri kelahiran:**
Kedah

■ **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:**
Doktor dan pensyarah

■ **Alamat pejabat ADN:**
No 68 Jalan PU 7/2, Pusat Bandar Puchong Utama 47140, Puchong

■ **Nombor telefon ADN:**
03-8066 2924

■ **E-mel:**
mariah.selangor29@gmail.com dan pusatkhidmatmasyarakat.n29@gmail.com

■ **Facebook:**
Dr Siti Mariah



Sumbang RM15,000 baik pulih rumah usang

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri Morib menghulurkan sumbang RM15,000 bagi membaik pulih rumah usang seorang ibu tunggal di Kampung Kanchong Darat, Banting.

Hasnul Baharuddin berkata pihaknya dengan Wanita Amanah Selangor dan beberapa pemuda parti itu bersama gotong-royong membaik pulih rumah berkenaan.

"Saya dimaklumkan ketua kampung di sini mengenai nasib keluarga ini dan keadaan rumah itu sangat kritikal kerana

tiada dinding di satu bahagian termasuk atap bocor. Apabila hujan, dalam rumah mereka dipenuhi air.

"Difahamkan juga Masrubi Ruhani (ibu tunggal) ini membesarkan empat anak yang masih bersekolah dengan hasil pendapatan bekerja di kedai makan berhampiran rumahnya," kata beliau pada 18 Ogos lalu.

Sehubungan itu, Hasnul memaklumkan wanita itu juga akan dibantu untuk mendapatkan bantuan Kasih Ibu Smart Selangor dan didaftarkan sebagai asnaf miskin.



ADN PANDAN INDAH
Ir Izham Hashim

Memberi sumbangan kepada penduduk ketika program Ziarah Kasih di Taman Kencana, Ampang



ADN SERI SETIA
Halimey Abu Bakar

Menziarahi penduduk yang uzur di Taman Seri Subang, Petaling Jaya



ADN BANTING
Lau Weng San

Mengedarkan Jalur Gemilang kepada peniaga Pasar Pagi Teluk Bunut, Kuala Langat



ADN PERMATANG
Rozana Zainal Abidin

Membantu remaja melengkapkan dokumen ke Unisel di Pusat Khidmat DUN Permatang, Tanjung Karang



ADN SUBANG JAYA
Michelle Ng Mei Sze

Mengagihkan cecair pembasmi kuman kepada peniaga Pasar Pagi SS15, Subang Jaya



ADN RAWANG
Chua Wei Kiat

Menyampaikan barangan keperluan asas kepada penduduk Kampung Kenanga, Gombak



Oleh Nieyna J

Qxsymina

Dalam putih ada hitam, dalam hitam ada putih.

Ceritanya bermula dengan seorang perempuan bernama Qxsymina. Qxsymina serumit ejaan namanya, namun dia hanya seorang perempuan berskala biasa, memilih kopi sebagai menu sarapan dan memiliki keinginan untuk berkeluarga. Tapi ada sesuatu tentang Qxsymina yang berjaya menarik jiwa ingin tahuku untuk berhubungan dengannya – sebagai teman bicara.

Minggu lalu, aku tak ingat hari apa dan berapa haribulan, Qxsymina menjemputku ke rumahnya. Aku terkejut dan meneka mungkin Qxsymina ingin bersembang hal-hal besar dan intim, melanjutkan hubungan kami daripada pasangan kenalan kepada sahabat. Aku teruja sehingga tidak dapat menyebut perkataan lain selain “ya”. Sebelum itu, kami makan-makan di warung mi rebus berdekatan apartmennya sebelum balik berjalan kaki seperti yang kami lakukan dalam pertemuan-pertemuan sebelum ini. Katanya, berjalan kaki adalah terapi selain mempercepatkan proses pencernaan makanan.

Masih segar di ingatan perbualanku dengan Qxsymina ketika senja ketiga aku menemaninya berjalan kaki. Qxsymina memberiku satu soalan: Pencuri tidak akan muncul jika di dunia ini tidak ada kunci. Kunci adalah kebebasan. Juga kurungan. Jika sesuatu ruang tidak mempunyai pintu, maka ruang itu boleh dimasuki sesiapa sahaja. Dan jika ruang itu mempunyai pintu dan kunci, ia seakan-akan kurungan. Jadi, menurutmu, bagaimana manusia memiliki ruang peribadi dengan mutlak dan polos? Tanpa keraguan, keterpaksaan dan kepentingan diri semata-mata? Sehingga hari ini, aku tiada jawapan untuk soalnya itu.

Sesampainya di hadapan pintu rumah Qxsymina, adrenalin mengalir deras, jantungku berdegup kencang. Qxsymina memulas tombol pintu, menjemputku masuk. Kemudian terus dia ke dapur meninggalkanku yang telah mengambil tempat duduk di sofa.

Qxsymina kembali dengan membawa dua gelas Milo panas. Dihulurkannya segelas untukku sebelum mengajakku ke kamar tidurnya. Aku pada mulanya teragak-agak kerana masih terlalu awal untuk masuk ke ruang peribadi seseorang yang baru peringkat kenalan bukan sahabat atau lebih daripada itu. Tetapi selepas dipujuk dengan satu jelingan berenigma, aku akhirnya menerima ajakannya itu.

Qxsymina duduk di kerusi berhadapan meja tulis, manakala aku di hujung katil sambil memerhati sekeliling. Qxsymina membuka ikatan rambutnya kemudian mengikatnya kembali. Telefon bimbitnya berdering namun dibiarkan sahaja.

“Kau nak makan apa-apa?” Soal Qxsymina. Aku geleng kepala.

“Masih kenyang makan mi rebus tadi, terima kasih,” balasku sambil menarik senyuman nipis pada akhir ungkapan. Senyuman itu dibalas dengan simbol ‘okay’ dari jari Qxsymina.

Qxsymina bangun mendekati tingkap, membukanya sedikit. Angin sepoi-sepoi bahasa masuk, memberi kami aroma selesa. Selepas itu, Qxsymina kembali duduk di kerusi dan mencapai sebalang kerepek pisang di meja tulis.

“Kau tahu kenapa manusia cipta tingkap?” soal Qxsymina sambil mengunyah.

Aku menggaru kepala yang tidak gatal.

“Untuk melihat dunia luar? Di sebalik dinding yang menutupi pandangan?” balasku.

Qxsymina ketawa. Aku menyampah dengan ketawa sinisnya. Tapi jauh di sudut hati, sebenarnya aku suka. Ya, aku suka.

“Tingkap yang manusia cipta ada lebih daripada satu fungsi. Contohnya, dalam rumah ini ada tiga ruang. Setiap ruang ada fungsi tersendiri, begitu juga tingkap yang diciptakan untuk ruang-ruang tersebut.”

Qxsymina mencicip sedikit Milo yang masih panas sebelum menyambung.

“Tingkap di dalam bilik ini memperlihatkan

suasana yang lain daripada tingkap di dapur dan ruang tamu. Kau rasa kalau tingkap bilik aku memberikan pemandangan lorong-lorong gelap dan menakutkan, aku akan dengan senang hati membukanya pada malam hari?”

Aku menggelengkan kepala beberapa kali. “Soalan itu sepatutnya kau jawab sendiri.”

Qxsymina ketawa kecil sambil menganggukkan kepalanya beberapa kali.

“Tentunya tak. Jika tingkap di dapur memberikanku pemandangan langit biru dan cerah setiap pagi dan bintang-bintang terang, pasti akan kuhabiskan waktu di sana walaupun dapurku tidak senyaman dan secantik kamar tidurku.”

“Ya, aku pun akan buat perkara yang sama,” balasku, mengesyakan kenyataannya.

“Itulah tingkap yang kita buka hari-hari. Tingkap yang memberikan ketenangan pada waktu siang yang resah dan malam yang mesra. Tingkap yang tidak dapat ditiru untuk diletakkan di mana-mana ruang yang kita mahu. Seperti tingkap yang sedang aku pandang pada kau sekarang.”

Aku tercegang. Dengan spontan aku menyoal. “Apa?”

“Mata,” balas Qxymina.

Aku memandang Qxsymina. Qxsymina menarik senyuman nipis, kepalanya ditekurkan ke pinggir meja sambil pandangan matanya dilempar ke arahnya.

“Ya, mata. Pandangan mata, satu-satunya jendela yang tidak dapat ditiru atau disalin. Pengalaman memandang jauh ke dalam mata seseorang tidak dapat ditulis tepat walaupun kau cuba mewujudkannya sebagai sebuah sajak yang indah. Rasa itu tidak akan sama seperti kau berhadapan dengannya.”

Aku terkesima dengan kata dan pandangan mata Qxsymina. Kami beradu pandang buat seketika.

“Mata adalah jendela kepada hati. Kalau dili-

Paling suka

Aku jadi suka bintang yang terhampir dengan bulan seperti dirimu yang mendekatkan pipi ke pipiku dan terhenti saat angin tak mahu lagi berlari

Aku pernah suka hujan yang bergelungsur dari bucu daun waktunya kita menadah tangan menunggunya gugur ia hilang dari sela tangan kita yang rapat ia kering lewat renunganku ke jantungmu

Aku paling suka pagi yang berkabus untuk meneka antara gunung terbakar atau kau yang terurai menjadi pemandanganku.

Muhammad Aminul Khalil
Tanjong Malim

hat, mata kita ada hitam dan putih. Betul tak?”

Aku seperti biasa hanya mengangguk.

“Dalam hitam ada putih, dalam putih ada hitam,” bisik Qxsymina.

“Maksudnya?” Soalku.

Qxsymina meletakkan balang kerepek pisang di atas meja sebelum membalas,

“Sama ada kau sedar atau tidak, cebisan-cebisan kecil persoalan yang tuhan berikan, jawapannya ada pada setiap tingkap kehidupan kita. Kita hanya perlu membuka setiap tingkap yang ada. Mungkin ini sudah menyimpang dari apa yang kita bualkan tadi, tapi percayalah, pecahan-pecahan perbualan kita membentuk satu kosmik kehidupan seperti Yin dan Yang yang mempunyai banyak tafsiran dan falsafah. Bagiku, kita berada dalam satu bulatan yang sama. Bezanya cuma warna. Dalam bulatan Yin dan Yang, ada satu garis pemisah hitam dan putih. Garis itu bagiku adalah tingkap. Tingkap untuk kita melihat satu sama lain. Bergerak mencari kebahagiaan. Menunaikan harapan-harapan tertangguh. Selagi ada tingkap, selagi itu ada ruang perubahan. Jadi, bukalah tingkap di setiap sudut pandangan hidup untuk merasai sendiri kehidupan di sebaliknya.”

Sekali lagi Qxsymina membuatkan aku terpegun. Kata-kata dari lidahnya berdenyut dalam satu harakat yang mengasyikkan.

“Aku faham maksudmu. Seperti yang kau kata, mata adalah tingkap kepada hati. Tidak ada hati yang hitam sepenuhnya, tidak ada hati yang putih sepenuhnya. Jika begitu, kita pasti akan terus ke neraka atau syurga. Tetapi kita berdiri di Bumi. Kita, manusia, semuanya. Bermaksud ada ruang perubahan.”

Segaris senyuman terukir di bibir mongel Qxsymina. Memandang tepat ke dalam mata hitamnya memberiku satu kesunyian yang mengasyikkan. Mungkin mata itu akan menjadi sebuah tingkap yang bakal aku buka setiap hari. Dari tingkap bilik Qxsymina, kami sama-sama membuang pandangan ke arah rona senja yang semakin kelam dan Maghrib yang semakin tua.

Jangan risau, dalam hitam ada putih, dalam putih ada hitam.

Giat bantu mualaf berdepan wabak

Dulu pemabuk kini pendakwah

Oleh Amin Ridzuan Ishak
Foto Remy Ariffin



Muhammad Roger Arnold Abdullah masak benar dengan kepayahan kehidupan ketika mula-mula memeluk Islam. Beliau sedar mualaf mudah goyah sekali gus terdedah untuk patah balik kepada agama asal. Beliau juga mengalaminya. Lebih-lebih lagi, sedari kecil diasuh keluarganya untuk menjadi paderi.

Justeru, waima sedikit musibah mudah ditafsir sebagai pembalasan kerana tukar agama. Kebetulan tidak lama selepas memeluk Islam, Muhammad Roger diisytihar mufliis. Rumah dan keretanya ditarik bank. Isterinya pula terlantar di hospital lapan bulan lamanya akibat penyakit thyroid storm. Beliau sendiri tiada pekerjaan.

"Keluarga yang tidak senang apabila saya memeluk Islam kata semua terjadi itu disebabkan tindakan saya membelakangkan agama sebelum ini dan sedang dihukum," katanya mengenang kembali saat-saat sukar selepas menganut Islam pada 2013.

Teguran wanita berniqab

Namun, beliau cekal. Tetap pendirian. Malah Muhammad Roger, nama asal Roger James Arnold, menganggap dugaan itu sebagai ujian, mungkin juga balasan terhadap dosa-dosanya sebelum ini. Apatah lagi, beliau sebelum Islam, seorang pemabuk.

Pernah, setiausaha syarikatnya memarahi beliau kerana terlalu mabuk hingga terpaksa dijemput dari rumah orang lain untuk dibawa menghadiri mesyuarat penting. Bebelan wanita itu kukuh dalam ingatannya. Sejak itu, beliau mula mengurangkan pengambilan minuman keras biarpun ketagihan menggelitik terutama saat berdepan tekanan kerja.

Beliau juga mula tahu sedikit sebanyak perihal Islam.

Dulu, ungkapan "Assalamualaikum" pun dicurigainya hingga menyemak maksudnya melalui internet. Paling banyak pengetahuannya mengenai selok-belok Islam diketahuinya melalui setiausahanya yang berniqab, kini telahpun menjadi isterinya.

Hasratnya untuk berdakwah mula meluap-luap sejak mengenali Mercy Mission Malaysia secara kebetulan. Dari situ beliau mendalami pengetahuan agama, malah turut mendapat bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

"Saya tidak tahu pun yang saudara baharu seperti saya ada disediakan bantuan. Saya buat keputusan untuk memperhebatkan dakwah," katanya.

Beliau bertekad agar tiada lagi mualaf mengulangi kepayahan yang dialaminya dulu. Muhammad Roger juga menanam azam supaya tidak mahu saudara baharu kembali kepada agama asal kerana kurangnya pedoman, jarangnyanya bantuan. Beliau tidak mungkin lupa kesusahannya dahulu. Bukan mudah untuk kekal pendirian agama jika tiada kecekalan hati.

Bantu mualaf

Justeru, Muhammad Roger menubuhkan syarikat supaya dapat menjana pendapatan dan pada masa sama membantu orang lain sejak 2015. Dianggarkan, seramai 3,000 keluarga asnaf dibantu melalui Inspirasi Mualaf Services. Beliau turut terlibat mengislamkan 150 orang.

"Syukur semuanya dipermudahkan. Kita jana pendapatan dengan menjual

kemeja-T dakwah yang terjual lebih 10,000 helai, minyak angin dan memiliki restoran.

Inspirasi Mualaf Services adalah sebuah syarikat yang menjana pendapatan untuk menampung kerja dakwah dan bantuan Persatuan Inspirasi Mualaf.

Ketika penularan Covid-19, beliau juga membantu 500 keluarga dengan menyerahkan makanan asas selain membangunkan rumah perlindungan untuk orang kelainan upaya dan warga emas mualaf di Sabak Bernam.

Kesungguhan Muhammad Rogers membantu masyarakat mendapat pujian ramai bahkan beliau – akhirnya – menjadi kebanggaan keluarganya meski mereka masih berbeza kepercayaan.

Atas: Hubungan Muhammad Roger dengan ibunya, Nasamoney Singaram kekal mesra sekalipun berlainan agama.

Kiri: Muhammad Roger sering dipanggil untuk berkongsi pengalaman melakukan kerja dakwah terutama dalam kalangan mualaf.

Kanan: Turut sama terbabit dalam pengucapan syahadah wanita Jepun, Iz Nozomi. Muhammad Roger terlibat membantu mengislamkan 150 orang setakat ini.



Patuh prosedur lupus sampah

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kuala Langkat (MPKL) mengarahkan semua pemilik premis perniagaan menyediakan tong sampah mudah alih (MGB) 240 liter bagi mengelakkan tindakan undang-undang.

Yang Dipertuanya berkata pemantauan mendapati sebahagian premis masih gagal mematuhi syarat pelesenan berkaitan pengurusan pelupusan sampah domestik.

"Peniaga atau pemilik perlu mematuhi prosedur pelupusan sampah seperti menyediakan tong sampah MGB 240 liter, tidak membuang sampah ke longkang atau mana-mana tempat awam," kata Dato' Amirul Azizan Abd Rahim.

Kegagalan mematuhi peraturan itu boleh dikompaun dan dibatalkan lesen.

Shah Alam On Wheels kembali

SHAH ALAM - Shah Alam On Wheels yang menawarkan pelbagai perkhidmatan akan berada di dua lokasi hujung bulan ini.

Orang ramai boleh berurusan di pejabat Bergerakannya di Tesco Setia Alam, Seksyen U13 pada 22 Ogos, Aeon Mall, Seksyen 13 (29 Ogos) bermula jam 11 pagi hingga 5 petang.

Mereka boleh membuat aduan, menyemak status lesen dan membayar cukai taksiran serta kompaun.

Dalam pada itu, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) meneruskan Kempen Bayar dan Menang Cukai Taksiran yang bermula 1 Julai lalu hingga 31 Ogos depan.

Ia menawarkan hadiah keseluruhan RM48,300 termasuk tiga motosikal Yamaha Y15ZR 150cc serta telefon bimbit Vivo V17Pro untuk lima pemenang dan peralatan elektrik (50 pemenang).

MPS anjur taklimat pembangunan tanah

SHAH ALAM - Seramai 60 ketua kampung menyertai taklimat tatacara pembangunan tanah anjuran Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Daerah Gombak pada 13 Ogos.

Ia bertujuan memberi penerangan kepada pemimpin setempat mengenai keperluan pembangunan semasa, perincian proses permohonan dan pelaksanaan akta dan kawalan yang digunakan MPS.

"Taklimat diberikan oleh Jabatan Perancang Bandar MPS, Jabatan Kejuruteraan MPS, Jabatan Bangunan MPS serta Pejabat Tanah dan Daerah Gombak.

"Diharapkan melalui penganjuran program ini dapat memberi kefahaman kepada peserta mengenai senario pembangunan dan isu pembangunan di kawasan pentadbiran MPS," kata kenyataan pada 13 Ogos.

MPKj, MPS ronda taman awam

Perokok, peminum arak dipantau

OLEH SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) melakukan rondaan berkala di sekitar taman awam bagi memburu individu yang ingkar larangan merokok dan meminum arak.

Pegawai perhubungan awamnya berkata pihaknya akan mengenal pasti kawasan taman menjadi tumpuan mereka dan tindakan tegas termasuk kompaun

akan dikenakan.

"Setakat ini, tiada tangkapan tetapi operasi dari semasa ke semasa akan dilakukan dan orang ramai boleh membuat aduan sekiranya terlihat salah laku itu," kata Kamarul Izlan Sulaiman pada 16 Ogos.

Sementara itu, Timbalan pengarah Jabatan Korporat Majlis Perbandaran Selayang, Ahmad Fauzi Ishak berkata pihaknya juga dalam peringkat pemantau-

an di semua taman awam.

"Kita mungkin memberi amaran terlebih dahulu sebelum tindakan saman dikenakan kepada pelaku," katanya.

Pada 14 Julai lalu, Selangor muncul negeri pertama di Malaysia menguatkuasakan perintah tersebut.

Individu yang ingkar boleh dikompaun sehingga RM1,000 mengikut Undang-Undang Kecil Taman 2005 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Orang ramai sokong usaha penguatkuasaan

SHAH ALAM - Orang awam menyokong tindakan Kerajaan Negeri menguatkuasakan perintah larangan menghisap rokok, rokok elektronik dan meminum arak di taman awam dan rekreasi di Selangor.

udara bersih sekali gus mengurangkan pencemaran."

Wan Zulrushdi Wan Mohamed, 55

"Ia sangat wajar dilaksanakan kerana asap rokok bukan sahaja memudaratkan kesihatan si pelaku tetapi pihak lain terutama ibu bapa yang sering mem-

bawa anak-anak beriadah."



Zamir Zaini, 30

"Larangan ini wajar dikuatkuasakan bagi mengelakkan kes kemalangan mabuk dan lambakan botol minuman keras di taman awam."

Syazwani Suhaimay, 29



"Taman awam adalah kawasan tumpuan ramai dan tindakan Kerajaan Negeri ini boleh menghasilkan



Ceroboh hutan simpan: Tiga lelaki ditahan

SHAH ALAM - Sebanyak 27 lembu dan 59 kambing yang ditenak secara haram di Hutan Simpan Bukit Cerakah dirampas pada 12 Ogos lalu.

EXCO Alam Sekitar, Hee Loy Sian berkata tiga individu dipercayai penceroboh kawasan larangan berkenaan turut ditahan dalam operasi bersepadu beberapa agensi kerajaan.

"Penceroboh mendirikan dua kandang serta sebuah pondok dan menjalankan aktiviti menternak lembu, kambing, itik, angsa dan ayam," katanya pada 13 Ogos.

"Akibat kegagalan mereka mematuhi notis pada Februari lalu, kandang dan pondok dirobohkan. Ini menunjukkan Kerajaan Selangor serius menangani isu pencerobohan hutan simpan tanpa kebenaran."

Loy Sian menjelaskan lima motosikal, sebuah lori dan dua unit pam air yang ada di lokasi turut disita.

Kes disiasat mengikut Seksyen 32 (1) Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

Sabit kesalahan, individu itu boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak kurang enam bulan atau kedua-duanya sekali.



Operasi bersepadu beberapa agensi kerajaan terhadap pencerobohan Hutan Simpan Bukit Cerakah pada 12 Ogos

1,000 botol minuman keras dirampas

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) merampas lebih 1,000 botol arak daripada dua premis menjual minuman keras di Taman Seri Gombak pada 17 Ogos lalu.

Pengarah Jabatan Korporatnya Mohamad Zin Masoad berkata dalam serbuan jam 8 malam itu, pemeriksaan mendapati premis terbabit tidak mempunyai lesen perniagaan terkini.

"Sebahagian botol arak dirampas juga tidak mempunyai kebenaran import daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia selain dokumen kelulusan dari pihak polis dan agensi berkaitan," katanya.

Beliau berkata tindakan dibuat mengikut Undang-Undang Kecil 3(1) Perlesenan Establisymen Makanan (MPS) 2007.

"MPS memberi amaran kepada semua supaya memastikan sebarang perniagaan yang hendak dijalankan mendapat kebenaran pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan berkaitan untuk mengelakkan tindakan," katanya.



Penguat kuasa MPS merampas botol arak dari premis menjual minuman keras tanpa lesen ketika serbuan di Taman Seri Gombak, Batu Caves pada 17 Ogos

Pantau anggota, rakam bukti

Tiga PBT mula guna kamera badan

OLEH IDA NADIRAH IBRAHIM

SHAH ALAM - Sekurang-kurangnya tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) mula melengkapi anggota penguat kuasa mereka dengan kamera badan.

Mereka ialah Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Timbalan pengarah Jabatan Pengurusan Korporat dan Strategik MPSJ berkata alat tersebut dipakai setiap hari atau ketika menjalankan operasi khas, lapor Selangor Journal.

"Ini sebahagian tindakan proaktif kami memantau tingkah laku anggota ketika berada di lapangan, yang juga rujukan atau bukti jika berlaku kejadian tidak diingini," kata Azfarizal Abdul Rashid.

Beliau berkata enam daripada 12 unit kamera kini digunakan Jabatan Penguatkuasaan.

Tiada kes dilapor setakat 23 Julai lalu.

Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Norhayati Ahmad pula berkata anggotanya menggunakan peranti itu sejak Julai tahun lalu.

Jelasnya, semua 10 unit kamera yang memiliki daya tahan bateri lapan jam menggunakan sistem pengawasan mudah alih keselamatan IAC (integriti, ketersediaan dan kerahsiaan)

"Alatan ini memiliki kualiti video definisi tinggi dan mampu menangkap visual malam serta suara untuk keselamatan anggota jika berlaku serangan fizikal atau perbalahan.

"Ini juga untuk meningkatkan integriti, kecekapan dan ketelusan ketika berurusan dengan rakyat," katanya.

Pada 22 Jun lalu, EXCO Kerajaan Tempatan Ng Sze Han memberi tempoh sehingga hujung tahun kepada semua PBT untuk melengkapi anggota mereka dengan kamera badan.

MPK sita barangan warga asing

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengeluarkan 14 sitaan kepada tujuh premis dalam operasi gempur di Jalan Klang Sentral 5/KU5, dekat sini, 14 Ogos lalu.

Timbalan pengarah penguatkuasanya berkata dalam pemeriksaan itu didapati tiga kedai runcit dikesan menjual ayam hidup dan arak tanpa permit manakala

empat lagi tiada lesen perniagaan.

"Hanya satu premis dikendali penduduk tempatan manakala selebihnya dijaga warga asing," kata Shahrul Hazri Abd Majid.

Beliau berkata MPK tidak mempunyai kuasa mengenai kebanjiran warga asing tetapi mereka bekerjasama dengan agensi berkaitan bagi menangani

isu tersebut.

"Kita tidak akan berkompromi dalam isu melibatkan peniaga warga asing. Malah, kita akan memperhebatkan lagi operasi dari semasa ke semasa," katanya.

Orang awam dialu-alukan membuat aduan berhubung premis dikendalikan warga tersebut di sekitar Klang menerusi <http://awas.mpklang.gov.my/>

Dedah teknik kreatif promosi produk

SHAH ALAM - Seramai 20 usahawan di Hulu Selangor didedahkan dengan teknik kreatif mempromosi produk melalui video pendek menggunakan telefon pintar.

Yang dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) berkata program dua hari mulai 15 Ogos mendapat kerjasama Pocket Production bagi mengajar peserta kaedah rakaman, konsep penceritaan dan teknik suntungan.

"Program ini menarik minat usahawan untuk lebih berusaha memperkemaskan aktiviti perniagaan dengan menyediakan promosi berbentuk video pendek yang berkualiti antara 15 saat atau satu minit.

"Selain itu, ia juga meningkatkan keyakinan belia menceburi perniagaan dengan cara kreatif mengikut trend terkini malah boleh meraih pendapatan melalui penghasilan video," kata Dr Mohd Azhar Mohamed Ali dalam kenyataan.

MDKS kompaun penternak cuai

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MDKS) mengeluarkan kompaun kepada seorang penternak kerana membiarkan haiwan ternakannya berada di kawasan laluan awam.

Kompaun dikenakan dalam operasi pemantauan dan tangkapan dijalankan di Bestari Jaya pada 4 Ogos lalu berikutan kecuaiannya itu mengancam nyawa dan keselamatan pengguna jalan raya.

"MDKS juga memberi peringatan kepada pemilik ternakan khususnya lembu dan kambing supaya memastikan haiwan itu tidak memasuki laluan awam dan kawasan perumahan di Bestari Jaya, Jeram dan Saujana Utama," katanya pada 12 Ogos

MDKS juga dalam perbincangan bersama Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kuala Selangor untuk tindakan lebih tegas kepada penternak yang ingkar.

MBPJ kutip pek minuman terpakai

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan Projek CAREton bagi mengumpul pek minuman terpakai di sekitar Petaling Jaya untuk dikitar semula bermula 22 Ogos hingga 13 September.

Pek berkenaan kemudian akan dijadikan bahan pembinaan mesra alam sekitar yang boleh digunakan masyarakat setempat.

"Barang-barang hendaklah diletakkan di hadapan rumah sebelum jam 10 pagi dan sekiranya lewat, kutipan tidak akan dibuat," kata kenyataan pada 14 Ogos.

Program dijalankan dengan kerjasama MILO Malaysia dan Tetra Pak sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-63.



Kafa Al-Jannah dibuka semula

SHAH ALAM - Sekolah KAFA Integrasi Al Jannah, Seksyen 23 di sini kembali dibuka pada 13 Ogos selepas saringan ke atas individu yang dikait dengan kontak rapat positif Covid-19 didapati negatif.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) berkata pihaknya berpuas hati dengan pematuan tatacara operasi piawai (SOP) pembukaan semula sekolah dan berharap kes sedemikian tidak berulang.

"Kafa Integrasi dibenarkan dibuka serentak bersama Surau Al-Jannah pada 13 Ogos lalu. Mereka turut mematuhi dan mengikut SOP yang ditetapkan seperti sebelum ini," kata Mohd Shahzihan Ahmad pada 15 Ogos.

Surau dan sekolah itu ditutup pada 7 Ogos lalu berikutan seorang jemaah surau dikesan mempunyai kontak rapat pesakit positif dari kluster Sivagangga di Napoh, Kedah.

Semai minat baca sejak kecil

SHAH ALAM - Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) membuka pendaftaran kepada ibu bapa yang mempunyai bayi berusia satu bulan sehingga satu tahun enam bulan bagi menyertai Program Reading Seeds.

Mereka akan diberi kit percuma mengandungi set wayang kulit, papan deria sentuhan, buku cerita, kad imbasan hitam putih, kad imbasan dan blok kayu, selain buku perbendaharaan kata, carta perkembangan, carta ketinggian dan profil kanak-kanak.

Mereka yang berminat boleh datang ke Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam atau perkhidmatan perpustakaan berhampiran.

Orang ramai boleh muat turun borang melalui pautan <https://bit.ly/3arEMVw> atau membuat imbasan kod QR di Facebook PPAS.

Borang lengkap boleh di e-mel kepada readingseedsppas@gmail.com sebelum 31 Ogos dengan melampirkan salinan MyKad, MyKid dan dokumen berkaitan.

Simpanan SSPN cecah RM6.5 bilion

KUALA LUMPUR - Sebanyak 4.57 juta akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dibuka dengan deposit RM6.57 bilion sehingga 30 Jun, kata Menteri Pengajian Tinggi Datuk Dr Noraini Ahmad.

Noraini berkata Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mewujudkan SSPN pada 2004 dan sambutan yang diterima daripada masyarakat amat menggalakkan.

Katanya, jumlah deposit SSPN yang diterima bagi tempoh setengah tahun pertama tahun ini terus meningkat iaitu RM682.02 juta berbanding RM425 juta pada tempoh sama tahun lepas.

"PTPTN bukan sahaja dikenali sebagai sebuah institusi pemberi pinjaman untuk pendidikan tinggi, malah sebagai sebuah institusi penabungan pendidikan," katanya pada 16 Ogos.

Perlu kebenaran ibu bapa, amal penjarakan fizikal

Aktiviti luar bilik darjah dibenarkan

KUALA LUMPUR - Kerajaan membenarkan aktiviti sukan dan kokurikulum di luar bilik darjah untuk pelajar sekolah mulai 1 September ini, kata Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Ogos meluluskan pembentangan Kementerian Pendidikan (KPM) mengenai garis panduan aktiviti tersebut.

"Garis panduan ini merangkumi pelaksanaan aktiviti sukan dan kokurikulum secara bersemuka termasuk amali di luar bilik darjah bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan serta Sains Sukan dalam keadaan yang terkawal," katanya pada 18 Ogos.

Ismail Sabri juga berkata antara garis panduan perlu dipatuhi termasuk mendapatkan kebenaran bertulis ibu bapa atau penjaga, penggunaan bilik

Garis panduan ini merangkumi pelaksanaan aktiviti sukan dan kokurikulum secara bersemuka termasuk amali di luar bilik darjah bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan serta Sains Sukan dalam keadaan yang terkawal

ISMAIL SABRI YAKOB
Menteri Kanan (Keselamatan)

mandi dan persalinan dihadkan mengikut kapasiti, memastikan penjarakan fizikal satu hingga tiga meter bagi aktiviti statik dan tiga hingga lima meter bagi aktiviti dinamik serta peralatan perlu dibersihkan dan disanitasi.

Katanya aktiviti sukan dan kokurikulum juga perlu mematuhi tatacara operasi piawai Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan yang sedia ada.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata mesyuarat khas itu turut meluluskan garis panduan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Amali Teknikal dan Vokasional yang juga berkuat kuasa 1 September.

Katanya garis panduan tersebut melibatkan lebih 89 kolej vokasional serta sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah teknik terpilih.

"Antara garis panduan perlu dipatuhi termasuk menentukan bilangan pelajar berdasarkan kapasiti ruang, tempat, peralatan amali dibersihkan dan disanitasi serta pelajar bergejala tidak akan dibenarkan untuk mengikut amali," katanya. - BERNAMA

Pekerja ditawarkan belajar di Kuis

PERMOHONAN PELAJAR BAHARU SEPARUH MASA SESI II 2020/2021
MASUK | DIPLOMA | SARJANA MUDA | SARJANA | PhD
TELAH DIBUKA

MOHON SEKARANG DI www.kuis.edu.my

- Fakulti Syariah & Undang-undang (FSU)**
 - IS12 Diploma Pengajian Syariah
 - IS13 Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Undang-undang
 - IS20 Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Menawakul
- Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPP)**
 - IS10 Diploma Akidah dan Pemikiran Islam
 - IS14 Diploma Al-Quran dan As-Sunnah
 - IS15 Diploma Dakwah
 - IS16 Ijazah Sarjana Muda Dakwah dengan Pengurusan Sumber Insan
- Fakulti Pendidikan (FP)**
 - IS22 Diploma Pengurusan (PESU)
 - IS21 Bachelor of Education Teaching English As a Second Language (TESL) with Multimedia
 - IS20 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia

+6019-2260746 / +6019-3896937 | +603-89117000/59/16 | fbkuis | instakuis | admission@kuis.edu.my

SHAH ALAM - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor menawarkan 10 program separuh masa bagi peringkat diploma dan ijazah sarjana muda terutama kepada pekerja yang ingin melanjutkan pengajian.

Peluang itu terbuka kepada rakyat tempatan berkelayakan untuk menyambung pengajian bagi menambah pengetahuan serta meningkatkan kelayakan tanpa meninggalkan pekerjaan mereka.

Permohonan boleh dibuat melalui pautan www.kuis.edu.my/v4/kemasukan/program-pengajian/program-separuh-masa.

Pustaka bergerak Ba-Ku perkenal sastera Taiwan

KUALA LUMPUR - Taipei Economic and Cultural Office (Teco) dan Persatuan Kebudayaan Han menganjurkan Projek Perpustakaan Bergerak Ba-Ku (Baca Buku) Bersama sempena sambutan Kuala Lumpur Ibu Kota Dunia 2020 dan Dekad Membaca Kebangsaan.

Wakil Teco di Malaysia, Anne Hung berkata objektif penganjuran projek ini adalah bagi memperkenalkan buku Ma-

laysia dan Taiwan kepada pembaca muda di negara ini.

"Kami memilih 135 jenis buku dari Malaysia dan Taiwan untuk memperkenalkan kesusasteraan dan kebudayaan Taiwan kepada murid dan pelajar bersama buku-buku pelbagai bahasa yang diterbitkan di negara ini," katanya pada 14 Ogos.

Mengulas lanjut, Anne berkata sebagai permulaan, projek perpustakaan berge-

rak itu akan menjelajah 20 sekolah rendah dan menengah terpilih di Semenanjung Malaysia bermula 17 Ogos hingga 4 September ini.

"Ekoran pandemik Covid-19, kami turut menganjurkan sesi perkongsian secara dalam talian dengan menjemput panel-panel terpilih untuk berkongsi pengalaman mereka dalam industri buku," katanya. - BERNAMA

DARI MUKA DEPAN

Ambil iktibar harungi rutin hidup

Semua yang dinyatakan menunjukkan betapa rapinya persiapan dalam merencana grand strategy yang akhirnya membawa kepada kemuncaknya dengan peristiwa Pembukaan Kota Mekah.

Begitulah juga iktibar yang harus direnungkan dalam kehidupan seharian kita. Tanpa perancangan dan penyesuaian, misi yang kompleks

terkadang mungkin mustahil dijayakan dan membawa kegagalan.

Di Selangor, Kerajaan Negeri sebaik mungkin menggagas serta menyelaraskan perancangan dengan semua pihak dan agensi dengan rapi dan tertib. Semangat musyawarah ini jelas nyata sewaktu koordinasi yang kompleks dan kompak diperlukan di peringkat

kat Bilik Gerakan Covid-19 sewaktu saat awal PKP dilaksanakan. Perancangan rapi ini juga diterjemahkan tiap tahun dalam dokumen Belanjawan yang tahun ini kita bentangkan November hadapan.

Semoga Allah merahmati terus Selangor dalam pecutannya untuk berhijrah menjadi Negeri Pintar menjelang 2025.

Pelbagai inisiatif inovasi memudahkan urusan

Mahkamah Syariah Selangor jadi contoh

OLEH NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Selangor antara empat negeri contoh yang giat menambah baik perkhidmatan mahkamah syariah melalui pelbagai inisiatif berbentuk inovasi.

Menteri Hal Ehwal Agama Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata ia termasuk e-Bicara, e-Faraid, Program Perceraian Fast Track, Program Sifar Kes Tertunggak dan Tatacara Akses Segera e-Syariah (e-Siap).

"Berkenaan tempoh penyelesaian sesuatu kes di mahkamah syariah, ia bergantung kepada pelbagai faktor sama ada dari mahkamah, peguam mahupun pihak dalam kes itu sendiri.

"Usaha proaktif dilakukan mahkamah syariah melalui penguatkuasaan arahan amalan, kaedah mahkamah syariah dan tatacara operasi piawai (SOP) bagi memastikan setiap kes diselesaikan dalam tempoh munasabah," katanya pada 13 Ogos seperti dilapor Astro Awani.

Turut tersenarai ialah Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Terengganu.

Antara inisiatif diperkenalkan Mahkamah Syariah Selangor sejak 2014 ialah kaunter khas 'fast track' yang menyelesaikan kes cerai dalam tempoh enam jam, kaedah hakam serta bicara waktu malam.

Badan itu turut melancarkan

Antara inisiatif diperkenalkan Mahkamah Syariah Selangor sejak 2014 ialah kaunter khas 'fast track' yang menyelesaikan kes cerai dalam tempoh enam jam, kaedah hakam serta bicara waktu malam

perbincangan kes dalam talian susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Mac lalu serta menggunakan Kit Mahkamah Bergerak bagi kes luar mahkamah.

Mais bimbing penagih dadah

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menganjurkan program bimbingan dan rawatan bagi penagih dadah di Gombak dan Selangor yang dalam proses pemulihan.

Program berlangsung dua hari bermula 15 Ogos lalu di Dewan Orang Ramai Kampung Nakhoda, Batu Caves.

"Seramai 38 peserta hadir mengikuti acara yang bertujuan memberi bimbingan dan pemulihan secara menyeluruh kepada golongan asnaf riqab yang terbelenggu dengan najis dadah," kata agensi itu.

Antara proses pemulihan yang diketengahkan merangkumi rawatan spiritual Islam, aktiviti kaunseling, solat dan tazkirah agama.

Acara itu dibuat dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Gombak dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Nakhoda.



Bebas Covid-19, surau kembali dibuka

SHAH ALAM - Surau Al-Jannah di Seksyen 23 di sini, dibuka semula pada 13 Ogos lalu selepas Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) berpuas hati dengan penambahbaikan tatacara operasi piawai (SOP) surau tersebut.

Pengarahnya Mohd Shahzihan Ahmad berkata kebenaran diberi selepas ujian saringan terhadap tiga jemaah surau yang dikaitkan dengan individu positif Covid-19 mendapati mereka bebas jangkitan.

"Semua individu yang dipercayai mempunyai kontak rapat dengan kes Covid-19 menjalani saringan kali kedua dan bebas jangkitan.

"Jais bersetuju memberi kebenaran Surau Al-Jannah dibuka dan berharap kejadian ini memberi pengajaran kepada pengurusan masjid dan surau supaya mengekalkan tahap disiplin serta patuh SOP," katanya.

Mohd Shahzihan berkata Jawatankuasa Khas Pemantauan Pematuhan Masjid Surau terus memantau pematuhan SOP bagi mengelak penularan Covid-19.

Pada 7 Ogos, Surau Al-Jannah dan Sekolah KAFA Integrasi Al-Jannah di Seksyen 23 diarahkan tutup susulan seorang jemaahnya dipercayai mempunyai kontak rapat dengan individu positif Covid-19 dari kluster Sivagangga.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
20 - 26 OGOS 2020							
1 - 7 MUHARRAM 1442							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Khamis	5:51	6:01	7:09	1:19	4:33	7:25	8:36
21 Jumaat	5:51	6:01	7:09	1:19	4:33	7:25	8:35
22 Sabtu	5:51	6:01	7:09	1:19	4:32	7:24	8:35
23 Ahad	5:51	6:01	7:09	1:19	4:31	7:24	8:34
24 Isnin	5:51	6:01	7:08	1:18	4:31	7:24	8:34
25 Selasa	5:51	6:01	7:08	1:18	4:30	7:23	8:33
26 Rabu	5:50	6:00	7:08	1:18	4:29	7:23	8:33
Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Khamis	5:53	6:03	7:11	1:22	4:36	7:28	8:39
21 Jumaat	5:53	6:03	7:10	1:22	4:35	7:28	8:38
22 Sabtu	5:53	6:03	7:10	1:22	4:35	7:27	8:38
23 Ahad	5:53	6:03	7:10	1:21	4:34	7:27	8:37
24 Isnin	5:53	6:03	7:10	1:21	4:33	7:26	8:37
25 Selasa	5:53	6:03	7:10	1:21	4:32	7:26	8:36
26 Rabu	5:53	6:03	7:10	1:21	4:31	7:26	8:36
Klang dan Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Khamis	5:52	6:02	7:10	1:20	4:35	7:25	8:36
21 Jumaat	5:52	6:02	7:10	1:20	4:34	7:25	8:35
22 Sabtu	5:52	6:02	7:10	1:19	4:33	7:24	8:35
23 Ahad	5:52	6:02	7:10	1:19	4:32	7:24	8:34
24 Isnin	5:52	6:02	7:10	1:19	4:32	7:24	8:34
25 Selasa	5:52	6:02	7:09	1:19	4:31	7:23	8:33
26 Rabu	5:52	6:02	7:09	1:18	4:30	7:23	8:33



Galak hulur derma tanpa tunai

SHAH ALAM - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) mengalu-alukan orang ramai menyumbang menerusi e-dompot Touch n Go bagi menggalakkan penggunaan transaksi tanpa tunai.

Pengurus besarnya berkata kemudahan itu lebih berkesan dan selaras keadaan semasa serta tiada caj perkhidmatan dikenakan kepada pendema Tabung Infaq Dana Yide.

"Dengan kaedah terbaharu ini orang awam boleh menderma secara terus sekali gus memudahkan kami menguruskan aktiviti kebajikan," kata Nur Mohd Razali Abdullah pada 16 Ogos.

Pada 13 Ogos lalu, Yide dengan rasminya menerima serahan e-dompot Touch n Go bagi kegunaan di ibu pejabatnya dan enam cawangan Pusat Dialisis Majlis Agama Islam Selangor.

Jais bantu asnaf di kampung nelayan

SABAK BERNAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menyalurkan barangan dapur kepada golongan asnaf, ibu tunggal, anak yatim dan warga emas di Kampung Nelayan Sungai Besar dan Kampung Haji Dorani di sini.

Bantuan dengan kerjasama Persatuan Nelayan Sungai Besar dilakukan selain membantu golongan memerlukan bagi membina hubungan lebih erat.

"Merasai kesusahan yang dialami penduduk, terutama dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan, sumbangan barangan dapur untuk keluarga yang diziarahi dan bekalan pelitup muka telah disampaikan," kata jabatan itu pada 13 Ogos.

10 asnaf bersyukur dapat rumah LZS

SHAH ALAM - Bagi memastikan nasib golongan asnaf fakir dan miskin terus terbela, Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyerahkan 10 unit rumah kepada mereka yang layak di Klang.

Empat asnaf menerima rumah berke-

naan menerusi program Serahan dan Perjanjian Menduduki Rumah Zakat Selangor pada 13 Ogos manakala enam lagi sudah diserahkan pada Julai lalu

"Terpancar kegembiraan dengan penuh kesyukuran di wajah mereka. Semo-

ga mereka sekeluarga dapat menjalani kehidupan yang lebih selesa dan sempurna," kenyataan LZS dipetik.

Majlis disempurnakan Ketua Divisyen Operasi Agihan LZS, Abdul Basith Hamid.

Rai anak yatim sempena bulan kemerdekaan

Yide sumbang RM291,500

OLEH SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) mengagihkan RM291,500 kepada 17 rumah anak yatim seliaannya di Rumah Kasih Harmoni, Paya Jaras di sini.

Pengurus besarnya berkata sumbangan fasa pertama itu bersempena sambutan Bulan Kemerdekaan ke-63 kepada wakil rumah selain enam Pusat Dialisis Majlis Agama Islam Selangor.

"Yide turut menganjurkan pertandi-



ngan menghias rumah anak yatim dengan tawaran hadiah RM1,000 kepada seorang pemenang," kata Nur Mohd Razali Abdullah pada 15 Ogos lalu.

Tahun lalu, Yide memperuntukkan

RM561,000 untuk agihan kepada Rumah Kebajikan Anak Yatim seliaan mereka.

Sehubungan itu, yayasan berkenaan menyeru syarikat korporat, agensi berkaitan kerajaan untuk terus menyumbang.

Bank Islam
1223 40100 07330

Billplz
<https://yide.com.my/donations/infaq-dana-anak-yatim/>

Biller Code: 81059

Setiap sumbangan dikecualikan cukai pendapatan dan potongan berdasarkan Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Keluarga kurang upaya terima bantuan



SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menghulurkan bantuan makanan bulanan kepada Sewah Samidjo yang semua ahli keluarganya cacat anggota kaki dan tangan.

Sumbangan diberi di rumah penerima itu di Kampung Bukit Lanchong, Subang Jaya, pada 13 Ogos lalu.

"Kesemua anggota keluarga Sewah cacat anggota kaki dan tidak mampu bergerak sempurna seperti insan lain," menurut agensi itu.

"Cucu kesayangannya pula,

Mohd Firaz, 4 tahun, akan menjalani pembedahan di mana kedua-dua belah kakinya akan dipotong pada paras betis untuk digantikan dengan kaki palsu bagi memudahkan pergerakan."

Selain menziarahi keluarga Sewah, LZS turut melawat lima keluarga lain di sekitar Masjid Hidayatul Muttaqin.

Program diketuai Ketua Operasi Agihan LZS Daerah Petaling, Mohd Sharil Ritin bersama ketua penolong amil kariah dan penolong amil kariah.

Maklumat Pertukaran Nama Syarikat

Communication Corporation Sdn Bhd
kini dikenali
MEDIA SELANGOR SDN BHD



MediaSelangor

T +603 5523 4856 F +603 5523 58 56 E info@mediaselangor.com

Penerbit

Tawar hadiah keseluruhan RM52,000

8,000 pemuzik sertai acara maya

OLEH KHAIRUL AZRAN HUSSIN

SHAH ALAM - Seramai 8,000 peserta dijangka menyertai Selangor Xtiv Virtual Youth Busking yang bermula 1 Ogos lalu hingga 30 September, kata EXCO pembangunan generasi muda.

Mohd Khairuddin Othman berkata program yang menawarkan hadiah keseluruhan RM52,000 bertujuan menyokong kegiatan seni peringkat akar umbi selain memberi ruang penghibur jalanan menonjolkan bakat.

"Program ini merupakan pendekatan terbaik untuk Kerajaan Negeri mendekati penghibur jalanan, malah selaras dengan sasaran Selangor Negeri Pintar menjelang 2025.

"Jadi saya harap program ini memberi peluang kepada penghibur jalanan menonjolkan kehebatan masing-masing bermain muzik atau menyanyi menerusi YouTube, Facebook dan Instagram," katanya pada 12 Ogos.

Selangor Xtiv Virtual Youth Busking program kelima dianjurkan secara maya selepas Selangor Xtiv Virtual e-Sport, Selangor Xtiv Virtual Run, Selangor Martial Art Xtiv dan Selangor Xtiv Fifa Pro Club.

Mohd Khairuddin berkata seramai 123,809 peserta mendaftar Program Selangor Xtiv Virtual 2020 sejak mula dilancarkan pada 4 Mei lalu.

"Penganjuran program sukan atau aktiviti secara maya bertujuan menggalakkan masyarakat bergiat aktif sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dan Kerajaan Selangor komited menyediakan aktiviti bermanfaat selaras dengan kehendak golongan muda," katanya.



Mohd Khairuddin bermain dram sebagai gimik pelancaran Selangor Xtiv Virtual Youth Busking di Shah Alam pada 12 Ogos

100 pemain sertai Golf Klasik Selangor 2020

SHAH ALAM - Seramai 100 pemain golf amatir bakal berentap dalam Kejohanan Golf Klasik Selangor 2020 pada 29 hingga 30 September depan.

Pengurus Besar Tourism Selangor Azrul Shah Mohamad berkata kejohanan julang kali dengan kerjasama Liberty Golf Services bertujuan mempromosi pelancongan domestik selaras kempen 'Pusing Selangor Dulu'.

"Kejohanan ini akan menguji sejauh mana kemampuan peserta dalam sukan golf selain memberi peluang untuk belajar dan meningkatkan kemahiran supaya menjadi pemain golf profesional.

"Saya yakin penganjuran acara berprestij ini memberi mesej jelas kepada pelancong dalam mahupun luar negara bahawa Selangor adalah hab pelancongan golf terkemuka di Malaysia," katanya pada 13 Ogos.

Kejohanan dijadual berlangsung di The Mines Resort and Golf Club, Seri Kemangan dan Kota Permai Golf and Country Club di sini.

Beliau berkata pemain golf dan penonton diingatkan supaya mematuhi tatacara operasi piawai termasuk menggunakan



aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) dan memakai pelitup muka.

"Jumlah pemain bagi setiap kumpulan terhad kepada empat dan hanya seorang pembantu pemain golf disediakan untuk dua pemain manakala dua orang dibenarkan berada di dalam bugi pada satu-satu masa," katanya.

Kejohanan dua hari itu menawarkan hadiah keseluruhan RM100,000. Pemain pertama melakukan pukulan Hole-in-

One berpeluang menang baucar percutian golf bernilai RM50,000 tajaan Liberty Golf Services.

Sebanyak RM999 dikenakan sebagai yuran penyertaan dan peserta turut berpeluang membawa pulang cenderamata eksklusif tajaan Srixon seperti beg cart golf, baju-T polo, topi dan bola golf berharga RM1,300.

Pendaftaran boleh dibuat di <http://libertygolf.com.my/SGC2020>

Nizam pengarah eksekutif MSNS

SHAH ALAM - Mohamad Nizam Marjuki dilantik sebagai pengarah eksekutif Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor yang baharu berkuat kuasa serentak.



Beliau menggantikan Adi Faizal Ahmad Tarmizi yang bertukar ke Kementerian Kewangan pada 5 Jun lalu.

Mohamad Nizam, 44, berterima kasih kepada Kerajaan Negeri atas kepercayaan dan peluang untuk menerajui badan sukan negeri.

"Tanggungjawab ini akan terlaksana dengan kerjasama dan jalinan dalam kalangan semua penggiat sukan termasuk persatuan dan kerajaan," katanya ketika dihubungi.

Beliau juga mahu memberi fokus kepada persiapan atlet menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) di Johor tahun depan.

Liga-M tanpa penonton 26 Ogos

KUALA LUMPUR - Perlawanan bola sepak Liga Malaysia (Liga-M) yang dijadualkan bermula pada 26 Ogos kekal berlangsung tanpa kehadiran penonton, kata Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Keputusan ini telah diambil setelah mengambil kira nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak penganjur perlu memastikan semua garis panduan yang ditetapkan dipatuhi," katanya pada 13 Ogos.

Liga-M 2020 yang ditangguh sejak 16 Mac akibat penularan Covid-19 akan bermula pada 26 Ogos dengan aksi serentak Liga Super dan Liga Premier manakala saingan Piala Malaysia pula bermula pada 17 Oktober.

Atlet taekwondo kejar slot ke Olimpik

KUALA LUMPUR - Dua atlet taekwondo negara, Ahmad Nor Iman Hakim Rakib dan Syafiq Zuber dilihat berpeluang menempah slot secara merit ke Sukan Olimpik 2020 di Tokyo tahun depan.


Pengarah Teknikal Taekwondo Malaysia (TM) R Dhanaraj berkata atlet Malaysia memiliki peluang beraksi pada temasya sukan berprestij itu kerana masih terdapat empat slot dari benua Asia.

"Peluang itu ada tapi kita tidak boleh cakap ia terlalu cerah. Kita ada dua atlet masing-masing kategori bantam (Ahmad Nor Iman) serta feather (Syafiq) dan slot mereka (untuk atlet Asia) masih ada," katanya pada 14 Ogos. -BERNAMA




PKNS MERDEKA **BONANZA**

Hentikan Pencarian. Inilah Penemuan.



Rebat Sehingga
RM 150 Ribu*



Baucer Projek
Terpilih



Rumah 100% Siap

Tarikh

29 & 30 OGOS 2020

Masa

11 Pagi - 4 Petang

Tempat

Bangunan Ibu Pejabat PKNS Shah Alam

Imbas di sini
untuk maklumat lanjut



**Tertakluk Kepada Terma & Syarat*

PKNS 
HOMES

03 5022 0188
03 5022 0189

pkns-property.com    **PKNS Property**